

Sultan Selangor doa
Faisal segera sembuh

2

Rizab negeri meningkat,
bantuan bertambah

4

Bukit Beruntung jadi
hab semikonduktor

8

Keluar undi, tunai
tanggungjawab

8

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 9 - 15 MEI 2024

www.selangorkini.my

Kakitangan negeri naik gaji Disember

Pertambahan sekurang-kurangnya lebih 13 peratus bakal dinikmati selaras kenaikan yang diterima penjawat awam persekutuan sekali gus jadi dorongan untuk tingkatkan lagi mutu perkhidmatan sedia ada

MUKA 2

Manifesto tumpu tingkat ekonomi rakyat

Calon azam lonjakkan lagi kegiatan ekopelancongan untuk bantu rakyat jana pendapatan selain naik taraf kemudahan awam, perluas liputan internet dan pulihara warisan budaya di Kuala Kubu Bharu

MUKA 7



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama Pengerusi Lagenda Properties Berhad Tan Sri Dr Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin (kiri) ketika meneliti model projek Rumah Selangorku Lagenda Ardea di Bernam Jaya, Hulu Selangor pada 3 Mei 2024. Foto REMY ARIFIN ►BERITA MUKA 4

pancawarna

Jemaah syukur insentif tunai haji

RM1,000 untuk
umat Islam
laksana rukun
Islam kelima
di tanah haram



9

Pelbagai bantuan khas untuk wanita

Kaum Hawa dan keluarga banyak dapat manfaat inisiatif kebajikan negeri

11



Ekonomi negeri semakin rancak

Prestasi
pertumbuhan
Selangor di
landasan tepat,
pikat pelabur

16



Mohon insentif haji hingga 23 Ogos

SHAH ALAM - Permohonan Insentif Haji Muassasah yang ditingkat nilainya dari RM500 kepada RM1,000 kepada 6,000 bakal jemaah tahun ini dibuka antara 6 Mei hingga 23 Ogos.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata permohonan itu boleh dibuat di pusat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Pejabat Penyelaras DUN masing-masing.

"Saya berharap usaha ini dapat memudahkan urusan perjalanan bagi para jemaah yang bakal meraikan dhuyufurrahman pada tahun ini," katanya menerusi aplikasi X pada 1 Mei.

Amirudin sebelum ini berkata seramai 6,000 jemaah haji negeri layak menerima bantuan manakala 36 jemaah lagi dibanya Kerajaan Negeri sepenuhnya untuk menunaikan ibadah itu tahun ini.

Cuepacs hargai pengumuman MB

SHAH ALAM - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Selangor menghargai pengumuman berkaitan kenaikan gaji penjawat awam negeri seiring staf persekutuan.

Pengerusinya Zulkifli Mohammad menyifatkan kenyataan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sebagai suatu pengiktirafan dan kepercayaan kerajaan terhadap sumbangan penjawat awam.

"Keputusan ini memperlihatkan ketegasan dan kesungguhan kerajaan dalam menyokong kesejahteraan penjawat awam yang telah 12 tahun tidak mendapat kenaikan gaji.

"Ini secara langsung memberi semangat kepada kami untuk terus memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab," katanya dalam kenyataan pada 4 Mei.

Dalam perkembangan lain, Zulkifli kecewa dengan kenyataan seorang ahli parlimen Perikatan Nasional yang dilapor cuba menggagalkan usaha menaikkan gaji penjawat awam melalui undian di parlimen.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

Sultan doa Faisal Halim kembali sihat

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan polis menyiasat kejadian pemain Selangor FC Muhammad Faisal Abdul Halim cedera disimbah asid di sebuah pusat beli-belah.

Mengecam sekeras-kerasnya perbuatan itu, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj selaku Penaung Selangor FC dan Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah sebagai Presiden Selangor FC mahu polis mencari punca hingga pelakunya ditangkap.

Menurut kenyataan di Facebook Se-

langor Royal Office, Baginda yang memandang serius kes berkenaan bertitah mana-mana pihak yang ada maklumat tampil bekerjasama kepada polis.

Baginda juga meminta siasatan tersebut merangkumi kemungkinan pelibatan kumpulan berniat jahat atau keingkaran awam seperti samseng bola sepak atau hooliganisme.

"Baginda amat kecewa dan menganggap kejadian seumpama ini sebagai melampau kerana melibatkan nyawa ahli-ahli sukan," menurut ke-

nyataan pada 6 Mei, hari kejadian berlaku.

Mendoakan Faisal kembali sihat, Baginda turut menzahir kekhawatiran jika insiden sedemikian tidak dibanteras boleh melarat hingga mengundang perkara lebih buruk pada masa depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari juga mengecam kejadian tidak berperikemanusiaan itu dan menyifatkan perbuatan sedemikian berunsur samseng dan melampau.

EXCO Sukan Najwan Halimi berdoa Faisal tabah menghadapi musibah itu dan berharap polis mengheret pelaku ke muka pengadilan.



Minimum 13 peratus ikut persekutuan

Gaji penjawat awam negeri naik

Oleh SUHAILA SHARUL ANNUAR

SHAH ALAM - Penjawat awam peringkat negeri bakal menerima penyelarasan kenaikan gaji minimum lebih 13 peratus seperti yang diterima kakitangan kerajaan persekutuan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu pentadbirannya mengambil langkah bersesuaian bagi menyelaras tatacara kewangan sedia ada susulan kenaikan tersebut.

"Pasti akan berlaku kenaikan (ke-naikan gaji penjawat awam negeri). Bermula minimum lebih 13 peratus sebagaimana perdana menteri sebut. Ini berkuat kuasa sebermula pada Disember.

"Kita akan selaras semula setelah

pekeliling dikeluarkan sesuai peningkatan gaji penjawat awam (peringkat persekutuan). Setakat ini, pekeliling belum dikeluarkan," katanya pada 3 Mei.

Berharap pengumuman itu turut disambut sektor swasta, Amirudin berkata peningkatan gaji peringkat negeri menjadi dorongan penjawat awam untuk meningkatkan produktiviti sedia ada.

"Ini bagi menjadikan Malaysia antara negara berpendapatan paling tinggi di rantau ini, sekali gus mengatasi cabaran kos sara hidup yang meningkat terutama di negara maju," katanya.

Pada 1 Mei, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam lebih 13 peratus mulai

Disember, tertinggi dan dalam sejarah negara membabitkan peruntukan lebih RM10 bilion.

Menyeru mereka meningkatkan produktiviti selari pertambahan gaji, perdana menteri memberitahu kenaikan boleh mencecah antara 25 hingga 30 peratus bagi kalangan kakitangan bergaji rendah.

Beliau mahu memastikan pendapatan minimum mereka melebihi RM2,000 sebulan berbanding gaji dan eluan tetap bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam pada masa ini RM1,795 sebulan.

Beliau yang juga menteri kewangan mengakui ada kenaikan sehingga 35 peratus sebelum ini tetapi pertambahan tersebut hanya melibatkan kaki-tangan gred 1 hingga gred 16.

Dorongan tingkat produktiviti

SHAH ALAM - Pengumuman Kerajaan Negeri untuk menyelaras kenaikan gaji lebih 13 peratus meneladani Putrajaya menjadi pemangkin kepada penjawat awam untuk meningkatkan produktiviti.

Pembantu operasi Mohd Azril Mohd Tarmidi, 43, berkata perkhidmatan satu-satunya produk penjawat awam kepada rakyat, justeru mutunya mesti ditingkat selaras kenaikan tersebut.

"Saya bersyukur dengan pengumuman tersebut. Kenaikan ini juga menyuntik semangat saya untuk berkhidmat dengan lebih bersungguh-sungguh," katanya yang 23 tahun berkhidmat.

Pegawai khidmat pelanggan Nursyahida Ahmad, 37, pula menganggap pengumuman Dato' Menteri Besar sememangnya dinanti-nantikan, malah menyuntik semangatnya untuk bekerja lebih tekun.

"Pasti kami akan bekerja lebih bersemangat selaras saranan pentadbiran negeri. Kos sara hidup juga kian meningkat, apabila gaji naik kami boleh tambah simpanan peribadi," katanya.

Rakan setugasnya Nazihah Ahmad, 37, pula berpendapat kenaikan itu memotivasi dirinya untuk memperbaiki mutu kerja dan memberi yang terbaik



sepanjang perkhidmatan kepada rakyat.

"Siapa tidak gembira kalau naik gaji. Cuma seiring kenaikan, saya rasa ia patut menjadi motivasi untuk meningkatkan prestasi kerja," katanya.

Pada 3 Mei, Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan Selangor akan membuat penyelarasan kenaikan gaji penjawat awam minimum lebih 13 peratus seperti dilakukan kerajaan persekutuan.

Beliau menjelaskan pentadbirannya bakal mengkaji keputusan itu dengan mengambil langkah bersesuaian bagi menyelaras tatacara kewangan sedia ada susulan kenaikan tersebut.



Peluang tingkat ekonomi penduduk Kuala Kubu Baharu

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Rakyat Selangor yang saya kasih sekalian, terutamanya warga Kuala Kubu Bharu (KKB).

Dalam beberapa hari akan datang iaitu pada Sabtu, 11 Mei, seramai lebih 40,000 penduduk di kawasan Hulu Selangor akan membuat pilihan penting dalam pilihan raya kecil KKB untuk menentukan wakil rakyat baharu mereka.

Sejak 2013, penduduk KKB telah membuat pilihan berani untuk menjamin masa depan yang lebih cerah dengan bersama Pakatan Harapan.

Dan pada pilihan raya negeri (PRN) Selangor pada bulan Ogos 2023 lalu, anda telah meneruskan keyakinan kepada Harapan dan memberi kepercayaan kepada Perpaduan supaya KKB terus maju.

Apabila mantan wakil rakyat mendiang Puan Lee Kee Hiong meninggal dunia pada Mac, kini tiba masanya untuk penduduk di KKB membuat pilihan penting.

Di Selangor, KKB berada dalam posisi unik dari segi geografi serta strategik.

Pasca dua pilihan raya sebelum ini iaitu pilihan raya umum ke-15 pada November 2022 dan PRN Selangor ke-15 pada Ogos 2023, KKB menjadi satu-satunya lokaliti di Hulu Selangor yang menampilkan keberlanian untuk bersama Harapan dan Perpaduan.

Dalam siri pertemuan saya bersama penduduk di kawasan berhampiran seperti Hulu Bernam dan Batang Kali, saya menerima laporan dan rasa kesal serta kegelisahan yang timbul bahawa wakil rakyat yang dipilih dalam kalangan kelompok lain dilihat tidak memberi khidmat sewajarnya kepada rakyat.

Meskipun mendiang Kee Hiong berada dalam keadaan agak tenat pada akhir tahun lalu, beliau telah mengerahkan pasukannya untuk berkhidmat bukan sahaja di KKB tetapi juga untuk warga Batang Kali yang menetap berdekatan KKB.

Dari segi komitmen khidmat, tenaga, dan idea-idea baharu, pasukan Harapan dan Perpaduan tiada tandingannya.

Dan calon yang ditampilkan untuk meneruskan legasi mendiang Kee Hiong, iaitu Puan Pang Sock Tao, adalah seorang wanita muda dan individu yang mengulang sebut



tekadnya untuk menawarkan khidmat, meningkatkan kualiti infrastruktur tempatan, dan menjadi jambatan antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dan warga KKB.

Secara keseluruhannya, saya melihat ini sebagai peluang emas untuk memberi nafas baharu kepada KKB yang mempunyai potensi luas dalam tiga aspek utama:

- Ekopelancongan
- Melonjakkan ekonomi tempatan
- Pemeliharaan alam sekitar

Hab pengangkutan

Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah mengambil peluang kedudukan KKB yang berada berhampiran dengan Serendah yang telah diposisikan sebagai hab pembuatan pengangkutan Malaysia meliputi kenderaan seperti Proton serta pembuatan dan penyelenggaraan tren dan rel selepas jajaran Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bermula terutamanya dengan adanya satu stesen di Serendah.

Tambahan kepada itu, Bandar Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa dijadikan sebagai tanah Perindustrian bagi menyokong pembuatan bahan-bahan ganti industri kereta serta hab sokongan vendor.

Bukan itu sahaja. Kawasan Perindustrian Zurah di Rasa menjadi lokasi pemasangan gerabak bagi Transit Aliran Massa (MRT) serta bengkel pemasangan lokomotif tempatan dan antarabangsa.

Bagi aspek ekopelancongan pula, kawasan seperti Air Terjun Sungai Chiling di KKB, Air Terjun Serendah, dan beberapa kolam air panas seperti di Kerling, Hulu Tamu dan Sungai Inki Kalumpang dapat dicantikkan dan dipelihara sebagai tarikan bukan sahaja untuk warga Hulu Selangor tetapi penduduk Selangor di daerah lain.

Kerajaan Negeri komited untuk menyebar luas dan memperkuuh kelangsungan kawasan ini sebagai persediaan Tahun Melawat Selangor 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026, dua tahun yang pasti membawa impak positif kepada ekonomi tempatan KKB.

Dari segi perancangan ke hadapan pula, baru-baru ini saya mengetui delegasi Kerajaan Negeri Selangor dalam misi pelaburan ke Jerman.

Dalam siri pertemuan saya bersama pelabur seperti Siemens, Festo, dan Dassault Systemes, mereka menyatakan komitmen untuk meningkatkan pelaburan dengan kerjasama strategik dalam aspek latihan pendidikan berkualiti tinggi menerusi modul yang akan ditambah baik sejak bermula pada 2022.

Usaha ini peluang yang harus direbut generasi muda di KKB supaya anda tidak semestinya berpindah ke Lembah Klang untuk mencari pekerjaan berkualiti yang mampu membayar gaji tinggi.

Modul latihan ini bakal memberi pendedahan dalam aspek teknologi seperti pembuatan automasi, pengendalian mesin yang menerap teknologi

kecerdasan buatan ataupun artificial intelligence, serta penghasilan aplikasi dengan pengetahuan koding bertaraf tinggi.

Dan ini sudahpun terbukti apabila sekumpulan besar anak muda yang menjalani latihan mengalami peningkatan gaji dari RM1,500 sebulan kepada hingga RM4,500 dan RM5,000 dalam tempoh masa singkat.

Ini hanya beberapa contoh generasi muda menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri yang membuktikan konsep Kita Selangor iaitu kesemua warga Selangor mempunyai kepentingan dan menyumbang kepada peningkatan prestasi ekonomi negeri.

Dan apabila prestasi ekonomi tempatan dan negeri ditingkat, Kerajaan Negeri dapat menggubal dasar yang memberi penghargaan kepada warga emas yang telah lama berbakti kepada negeri serta membina sebuah negeri berdaya huni dan mampan bagi kemaslahatan kita semua.

Demi menjayakan ikhtiar ini, anda warga KKB mempunyai pilihan penting untuk dibuat pada Sabtu, 11 Mei. Pilihan yang tepat adalah Puan Pang Sock Tao, calon Kerajaan Perpaduan yang mampu meneruskan harapan untuk anda semua.

Kekal Kuala Kubu, Kuala Kubu Perpaduan.

Dato' Seri Amirudin Shari
Dato' Menteri Besar Selangor

Serukekalkan kestabilan politik

HULU SELANGOR - Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) menasihati pengundi Kuala Kubu Baharu supaya memilih calon yang berupaya memastikan kestabilan politik peringkat negeri dan negara.

Datuk Seri Mohamad Sabu memberitahu elemen tersebut penting bagi memastikan Malaysia terus berada di landasan terbaik bawah pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kerajaan Perpaduan untuk wujudkan kestabilan. Apabila stabil, berlaku perkembangan ekonomi dan orang luar datang melabur ke negara kita."

"Bila mereka masuk, kerajaan dapat wang. Semua itu dikembalikan kepada rakyat. Bagaimana pelabur mahu masuk jika ada isu (pergolakan) politik?" katanya pada 3 Mei.

Tawar 2,340 rumah di Lagenda Ardea

HULU SELANGOR - Sebanyak 2,340 unit rumah teres bawah projek Rumah Selangorku dikenali sebagai Lagenda Ardea akan dibina di kawasan Bernam Jaya menjelang 2029.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Hartanah Selangor Berhad Rahana Abdullah berkata pembangunan membabitkan keluasan 191 ekar dibina untuk memenuhi keperluan rakyat memiliki rumah mampu milik.

"Fasa pertama pembinaan, sebanyak 831 unit rumah setingkat dengan tiga bilik tidur dan dua bilik mandi akan dilancarkan bulan ini," katanya pada 3 Mei.

Buka hab logistik di Serendah

HULU SELANGOR - Serendah menjadi hab logistik negara berikutnya lokasi itu akan memiliki stesen transit apabila Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) menghubungkan Kota Bharu ke Pelabuhan Klang siap.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke memberitahu kemudahan berkenaan dijangka menggalakkan lebih banyak kegiatan ekonomi termasuk import-eksport pelbagai barang.

"Di sini (Serendah) banyak kilang beroperasi dan berhampiran Tanjung Malim yang ada industri automatik. Serendah akan jadi pusat logistik angkut barang guna kereta api."

"Ini akan menawarkan peluang kerja yang banyak dan sifar kadar penganggur. Di Selangor, orang tidak cari kerja sebab ada banyak peluang kerja," katanya pada 3 Mei.

Terima pelaburan RM2 bilion

HULU SELANGOR - Selangor menerima pelaburan RM2 bilion dari Phison, syarikat semikonduktor berpangkalan di luar negara, hasil perubahan dasar pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pelaksanaan Dasar Tenaga Negara dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 di samping kestabilan negeri, menarik minat pelabur.

"Sebab perubahan dasar ini, Selangor berjaya tarik syarikat semikonduktor dengan tawaran RM2 bilion. Dalam tempoh empat bulan berbincang, dari Januari hingga April.

"Phison datang mendarat bawa industri semikonduktor hasil perubahan

dasar persekutuan serta kestabilan Kerajaan Negeri," katanya dalam ceramah Mega Perpaduan di sini pada 3 Mei.

Beliau yang juga pengurus Pakatan Harapan (HARAPAN) negeri berkata Selangor mampu menangani isu rakyat termasuk kekurangan bekalan ayam dan telur akibat kekurangan bekalan.

"Kita mulakan dengan bekalan. Dulu harga ayam, ikan tinggi tapi dapat dikawal Datuk Seri Mohamad Sabu (Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan). Bekalan ayam dan telur banyak.

"Selangor buat Jualan Ehsan Rahmah (JER) untuk pastikan bekalan sen-

tiasa cukup. Sekarang JER sudah dua tahun. Belanja RM50 juta, beri manfaat kepada lapan juta penduduk.

"Harga telur, ayam dikurangkan sampai sekarang. Dulu pentadbiran dan menteri sebelum ini tidak ada yang buat," katanya.

Amirudin berkata miskin tegar pula tamat menjelang Julai dengan memastikan kira-kira 800 keluarga dalam kategori itu menerima Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS).

"Kuota skim ini ada 1,000 hingga 2,000 penerima lagi. Kita tambah 800 keluarga miskin tegar di samping zakat kerana lebih 500 perlu dibantu untuk kehidupan lebih baik," katanya.

Negeri belanja besar untuk kebajikan

Rizab meningkat, bantuan bertambah

SHAH ALAM - Rizab kewangan negeri meningkat setiap tahun sejak 2019 meski Kerajaan Selangor berbelanja besar untuk menyalur pelbagai bentuk bantuan kepada segenap lapisan rakyat.

Menurut Dato' Menteri Besar, ia berbeza ketika Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mentadbir antara 2015 hingga 2018 yang menghabiskan rizab tetapi sumbangan kebajikan tidak bertambah.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu penyusutan rizab daripada RM3.26 bilion kepada RM3.05 bilion bermula pada 2016 apabila Azmin mengambil alih pentadbiran negeri sejak 2014.

Beliau yang juga pengurus Pakatan Harapan Selangor berkata nilai rizab terus merosot kepada RM2.84

bilion pada 2017 sebelum menyusut lagi kepada RM2.14 bilion pada tahun berikutnya.

Kenyataan di Facebook Amirudin juga menyebut pentadbirannya berbelanja RM2.37 bilion untuk program kebajikan, sekali ganda lebih banyak berbanding zaman Azmin RM1.3 bilion.

"Realitinya, Azmin Ali mengurangkan rizab simpanan negeri tapi perbelanjaan inisiatif kebajikan untuk rakyat tidak juga bertambah. Ke mana?" katanya pada 3 Mei.

Tulisan itu menjawab tuduhan Azmin dalam ceramah pilihan raya kecil Kuala Kubu Baharu baru-baru ini kononnya rizab negeri mencecah RM4 bilion ketika beliau menerajui Selangor.

Sambil menyeru pengundi Kuala

Kubu Baharu tidak terkeliru, Amirudin berkata beliau menambah rizab demi kebaikan generasi masa depan dan memperbanyak inisiatif kebajikan pada masa sama.

"Ini tidak termasuk Kerajaan Negeri berbelanja RM1 bilion untuk tiga Pakej Rangsangan Ekonomi semasa pandemic Covid-19, beli vaksin untuk rakyat Selangor," katanya.

Kenyataan itu juga melampir parparan peningkatan rizab sejak Amirudin memimpin negeri iaitu RM2.8 bilion pada 2021, RM3.29 bilion (2022) dan RM3.4 bilion (2023), tertinggi sejak 2008.

"Jangan termakan hasutan orang yang bercelaru. Terbukti Kerajaan Perpaduan berhemah dalam berbelanja dan pada masa sama mengutamakan kebajikan rakyat Selangor," katanya.

Larang kempen di masjid, surau

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) kekal melarang penggunaan masjid, surau dan sekolah bawah seliaannya sebagai tempat berpolitik atau propaganda kepartian.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad menegaskan ketetapan itu se-

laras titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan arahan Majlis Agama Islam Selangor yang masih berkuat kuasa.

"Pegawai masjid, pentadbir surau dan ketua guru bertanggungjawab atas premis kawalannya dengan melaksana amanah dengan jujur dan ikhlas tanpa

dipengaruhi sentimen politik kepartian," katanya pada 3 Mei.

Beliau turut mengingatkan semua pihak berkaitan supaya bersikap profesional dan mematuhi arahan sepanjang tempoh kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Baharu.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
09 Khamis	5:41	5:51	7:01	1:12	4:33	7:20	8:32
10 Jumaat	5:41	5:51	7:01	1:12	4:33	7:20	8:32
11 Sabtu	5:41	5:51	7:01	1:12	4:33	7:20	8:33
12 Ahad	5:41	5:51	7:01	1:12	4:34	7:20	8:33
13 Isnin	5:41	5:51	7:01	1:12	4:34	7:20	8:33
14 Selasa	5:40	5:50	7:01	1:12	4:34	7:20	8:33
15 Rabu	5:40	5:50	7:01	1:12	4:34	7:20	8:33

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:32
5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:32
5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:33
5:42	5:52	7:02	1:13	4:34	7:20	8:33
5:41	5:51	7:02	1:13	4:35	7:20	8:33
5:41	5:51	7:02	1:13	4:35	7:20	8:33
5:41	5:51	7:02	1:13	4:35	7:20	8:33

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:43	5:53	7:02	1:15	4:35	7:22	8:35
5:43	5:53	7:02	1:15	4:36	7:22	8:35
5:42	5:52	7:02	1:15	4:36	7:22	8:35
5:42	5:52	7:02	1:15	4:36	7:22	8:35
5:42	5:52	7:02	1:15	4:36	7:22	8:35
5:42	5:52	7:02	1:15	4:37	7:22	8:36
5:42	5:52	7:02	1:15	4:37	7:22	8:36



TANGGUNGJAWAB... Anggota polis membuang undi awal dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Baharu di Dewan Serbaguna Maktab PDRM, Hulu Selangor pada 7 Mei. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Sedia pelan konkrit

Pembangunan bakal melimpah

Oleh SOFIA NASIR

HULU SELANGOR - Pelbagai perancangan untuk membangunkan prasarana di daerah ini termasuk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu (KKB) telah dirangka lebih awal.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan kerajaan meluluskan peruntukan membangunkan KKB beberapa bulan lalu termasuk naik taraf Hospital Kuala Kubu Bharu.

"Ini bukan janji pilihan raya sebab Januari 2024 kita sudah selesaikan (lulus dana) untuk sistem gas dan pernafasan. Peruntukan dalam RM3 juta hingga RM4 juta," katanya pada 3 Mei.

Justeru, beliau memberitahu kemanganan Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao penting bagi melancarkan proses kemajuan termasuk naik taraf pengangkutan awam dan keterhubungan digital.

Katanya, Sock Tao menjadi penghubung dalam DUN untuk melimpahkan pembangunan berikut wakil rakyat dan pentadbiran negeri dari gabungan parti sama.

"KKB akan lebih maju sebab kita datang dengan tawaran dan pelan. Tadi saya ke Hulu Bernam, syarikat bertapak di Perak, Lagenda mahu bergabung de-

ngan agensi negeri, tambah perumahan.

"Kalau kita nak tambah lagi (senarai pembangunan), dengan ECRL di samping Rancangan Selangor Pertama, (jadi) pilih calon yang jelas," katanya dalam Ceramah Mega Perpaduan pada 3 Mei.

Amirudin percaya Sock Tao pilihan ramai sebagai wakil rakyat berdasarkan gerak kerja kempen berikutan sambutan baik pengundi pelbagai kaum terhadap kempen Kerajaan Perpaduan.

"Program peringkat bawah, semua tempat ditelusuri, jumpa Melayu, Cina, India. Kita bawa mesej yang mahu satukan rakyat supaya tidak berpecah belah," katanya.

Sementara itu, Kerajaan Perpaduan tidak akan menjadikan musibah yang dihadapi pihak lawan sebagai senjata kempen PRK.

Amirudin berkata jentera parti memfokuskan pembangunan dan sumbangan yang telah dilaksana di DUN selain perancangan masa depan untuk manfaat rakyat.

"Kita tidak mahu catat kejayaan daripada bencana atau perkara yang menimpa pihak lawan. Kita mahu tonjolkan apa yang telah dicapai terutamanya sumbangan Kerajaan Negeri dan wakil rakyat sebelum ini."

Tambah baik jaringan internet

HULU SELANGOR - Perkhidmatan internet di sini akan ditambah baik demi kemudahan penduduk, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu kemudahan itu membantu orang ramai khususnya peniaga dalam talian untuk menambah pendapatan.

Katanya, liputan itu tidak terhad di Kuala Kubu Bharu seperti yang terkandung dalam manifesto Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao tetapi meliputi Hulu Bernam.

"Kita akan tarik (internet) ke Hulu Bernam dan sekitarnya supaya jaringan internet sempunya sekali gus digunakan untuk tambah pendapatan peniaga dalam talian."

"Dengan adanya kemudahan ini, ia memberi nilai tambah supaya penduduk di Hulu Bernam, Sungai Tengi dan kawasan sekitarnya mendapat limpahan kemajuan," katanya pada 4 Mei.

Berucap dalam majlis pecah tanah Rumah Selangorku Lagenda Ardea di sini pada 3 Mei, Amirudin berkata pihaknya menumpukan pembangunan semula bandar dengan pelbagai kemudahan moden.

Katanya, Kerajaan Negeri akan melaksanakan 'boosting' projek seperti pembangunan institusi pengajian, latihan dan sektor pembuatan kereta bagi membugarkan ekonomi sekitar lokasi itu.

MAWAR SHOPPING COMPLEX

BANGUNAN SIAP DIBINA - KEDAI / PEJABAT

Keluasan dari 54 sq. metre hingga 200 sq. metre
Harga Dari RM31,000.00 - RM117,000.00
BUMIPUTERA DISKAUN 10%



Siap dengan CF

Gambar merupakan karya pelukis semata-mata

Mawar Shopping Complex

Jalan TK 5/2, Taman Mawar, 13km Jalan Puchong, 47100 Puchong, Selangor.

TEL : 03-7957 3988 (Ms Chan)

Pemaju :

LEH CONSTRUCTION SDN BHD 198301010901 (106219-P)

No. 16, Jalan 17/54, 46400 Petaling Jaya, Selangor.

Tampil calon rajin, berwibawa

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao memiliki kebolehan besar dan cemerlang dalam pelbagai bidang, kata Pengurus DAP Selangor Go-bind Singh Deo.

Beliau memberitahu Pakatan Harapan memastikan hanya calon berwibawa bertanding bagi memastikan kerusi Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Baharu terus dipertahankan.

"Soal calon, kita sudah tunjukkan kita ada calon berkebolehan. Beliau rajin dan bekerja keras selain berusaha mengenal pasti dan menyelesaikan masalah rakyat.

"Sock Tao mampu bekerjasama dengan semua pihak. Kelayakan dalam pendidikan juga luar biasa serta seorang yang aktif dan muda," katanya.

Beliau berucap dalam Ceramah Mega Perpaduan di Bandar Utama Batang Kali di sini pada 3 Mei yang dihadiri ratusan pengundi pelbagai kaum.

Tingkat kemudahan sukan untuk belia

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao dalam pilihan raya kecil Kuala Kubu Baharu berazam meningkatkan mutu prasarana awam termasuk kemudahan sukan.

Menerima banyak permintaan sedemikian, beliau mahu mengadakan pelbagai program sukan dan kebudayaan sekali gus meneruskan legasi mendiang Lee Kee Hiong, wakil rakyat sebelum ini.

"Jadi, ini antara tumpuan saya bagi memastikan penduduk terutama belia menikmati akses kemudahan sukan dengan lebih baik dan lebih banyak," katanya pada 5 Mei.

Beliau ditemui dalam program sempena Pertandingan Silambam Piala Lee Kee Hiong 2024 di Kampung Chuang Rasa Kuala Kubu Bharu di sini.

Jalin kerjasama promosi seni

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan mahu bekerjasama dengan badan bukan kerajaan, persatuan penduduk dan pihak berkuasa tempatan bagi mempromosi kebudayaan dan kesenian di Kuala Kubu Bharu.

Berazam meneruskan legasi mendiang Lee Kee Hiong, Pang Sock Tao memberitahu program sedemikian bakal mempar warisan dan keunikan di Dewan Undangan Negeri tersebut.

"Saya akan memperjuang peruntukan bagi menganjurkan program menghim-punkan karyawan dan peminat seni dengan lebih kerap jika dipilih wakil rakyat.

"Ia juga bagi menggalakkan pelancongan untuk menarik kehadiran orang ramai ke bandar bersejarah ini sekali gus menjana ekonomi setempat," katanya.

Bertenaga, tidak kekok bersama rakyat

HULU SELANGOR - Sokongan penduduk setempat menambah semangat Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao untuk berkempen selama 14 hari dalam pilihan raya kecil Kuala Kubu Baharu (KKB).

Kelihatan bertenaga meski bertemu orang dari pagi ke malam, beliau tidak lekang dari senyuman sepanjang beramah mesra dengan penduduk pelbagai lapisan kaum dalam siri kempenya.

Ditemani pimpinan Kerajaan Perpaduan, Sock Tao, 31, juga tidak kekok menyertai pelbagai acara antaranya se-

namrobi dan bola keranjang mahupun menjawab pertanyaan pengundi.

Beliau juga menaruh keyakinan untuk menang kerusi berkenaan meski berdepan saingan tiga lagi calon berikut momentum sokongan rakyat terus berterusan, bahkan menunjukkan peningkatan.

"Kita yakin bolehkekalkan kerusi KKB. Penduduk sangat mesra dan terbuka serta sentiasa menyambut saya dengan senyuman manis," katanya.

Demi mengekal momentum sepanjang berkempen, beliau yang pernah berkhidmat dalam dua kementerian turut memelihara kesihatannya untuk

kekal bertenaga setiap hari.

"Saya amal pengambilan makanan berkhasiat dan tambahan seperti vitamin selain banyak minum air kosong," katanya.

Menjelang tempoh kempen kurang seminggu, Sock Tao memberi perhatian menyampaikan mesej isu pembangunan, ekonomi dan kebajikan rakyat, bukan hanya bergantung kepada raut wajah.

"Ada orang anggap saya comel molek tetapi saya tidak mahu tarik penduduk dengan wajah kerana ia boleh berubah. Saya bawa mesej pembangunan supaya rakyat lebih makmur," katanya.

Hasil kajian pasukan kempen


Penuhi keperluan penduduk setempat

Oleh SOFIA NASIR

HULU SELANGOR - Manifesto yang dibentang Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao hasil maklum balas penduduk setempat sejak awal kempen pilihan raya kecil (PRK) Kuala Kubu Baharu (KKB).

Beliau bersama pasukanya menjalankan kajian terperinci bagi memastikan setiap keperluan masyarakat di Dewan Undangan Negeri (DUN) KKB dipenuhi.

"Manifesto berkenaan hasil maklum



balas yang diterima daripada penduduk setempat. Ini juga hasil kajian saya dengan pasukan kempen.

"Sudah tentu pasukan kami yakin untuk mencapainya," katanya selepas membentang dokumen tersebut dalam Ceramah Mega Perpaduan di Bandar Utama Batang Kali di sini pada 3 Mei.

Ratusan pengundi pelbagai kaum menunjukkan sokongan dalam ceramah sulung Pakatan Harapan itu.

Sock Tao juga menjelaskan manifesto itu bersifat menyeluruh meliputi antaranya bantuan kebajikan selain

memastikan KKB tidak kehilangan bakat muda untuk memajukan bandar berkenaan.

"Mereka dekat di hati saya, saya mahu beri peluang kepada mereka untuk capai impian dan bina keluarga di sini. Harap anak muda terus duduk di sini, tidak perlu berhijrah," katanya.

Sock Tao, 31, berdepan saingan empat penjuru. PRK diadakan susulan kematian penyandang DUN Lee Kee Hiong, 58, pada 21 Mac akibat barah. Mendiang menjadi wakil rakyat kawasan itu sejak 2013.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan pilihan raya itu berlangsung pada 11 Mei.

Pastikan dapat bantuan negeri

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao mahu memastikan penduduk Kuala Kubu Bharu (KKB) yang layak menerima pelbagai skim bantuan Iltizam Selangor Penyayang (ISP).

Beliau tidak mahu ada golongan berpendapatan rendah di Dewan Undangan Negeri berkenaan tercincir daripada memperoleh lebih 40 skim yang disediakan Kerajaan Selangor

sejak 2008.

"Banyak inisiatif dibuat Dato' Menteri Besar (Dato' Seri Amirudin Shari), jadi kita fokus untuk memastikan masyarakat mendapat manfaat ISP, saya juga akan bantu tingkatkan ekonomi."

"Kita mahu jana ekonomi berlandaskan pelancongan. Jadi, pilih (calon) dan buang undi yang tepat dan sempurna. Ini peluang keemasan yang

perlu kita ambil," katanya pada 2 Mei.

Lebih 40 jenis bantuan ditawarkan dalam ISP meliputi aspek kesihatan, pendidikan, kebajikan, keusahawanan, perumahan dan pekerjaan.

Mulai 2022, ISP dijenama semula dari Merakyatkan Ekonomi Selangor yang diperkenal pada 2008 diikuti Inisiatif Peduli Rakyat dengan menambah jenis dan nilai bantu kepada orang ramai.

Pelan tambah sumber ekonomi rakyat

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao mahu menjadikan sektor ekopelancongan sebagai sumber ekonomi utama penduduk Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Bharu (KKB).

Merangka rancangan jangka panjang dan pendek dalam manifesto, beliau berharap penduduk tempatan

mengambil peluang tersebut seterusnya menjana pendapatan.

"Kita ada rancangan termasuk cipta produk istimewa yang ada unsur warisan dan kebudayaan untuk dipasarkan," katanya semasa mengunjungi Bazar Warisan Temasya Jalanan di sini pada 4 Mei.

Sock Tao turut berazam menerus-

kan usaha mendiang Lee Kee Hiong yang melonjakkan nama KKB sebagai destinasi ekopelancongan khususnya pencinta alam semula jadi.

"Saya berpuas hati dengan kehadiran pelancong yang ramai pada hujung minggu. Saya mahu tingkatkan lagi usaha mendiang sekali gus merancakkan lagi pelancongan," katanya.

Tumpu alam sekitar, warisan budaya

Calon HARAPAN tekad majukan prasarana

Oleh SOFIA NASIR

HULU SELANGOR - Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao membentang manifesto yang memuatkan pelbagai usaha membela penduduk Kuala Kubu Bharu (KKB) jika terpilih sebagai wakil rakyat.

Dokumen mengandungi lima teras itu dibentang depan pemimpin Kerajaan Perpaduan dalam Ceramah Mega Perpaduan yang dihadiri ratusan penduduk Bandar Utama Batang Kali di sini pada 3 Mei.

Berazam memberi khidmat terbaik tanpa mengira kaum dan agama atau latar belakang, Sock Tao memberitahu manifesto tersebut hasil maklum balas penduduk sepanjang seminggu berkempen.

Beliau juga memberitahu pelaburan Longi, sebuah syarikat China dan MCE Holdings Bhd (MCE), pengeluar komponen elektronik automotif dan mekatronik membawa limpahan ekonomi ke KKB.

Longi berminat melabur RM1.8 bilion bagi membina kilang solar panel manakala MCE melabur antara RM150 juta hingga RM200 juta dalam tempoh 10 tahun, kedua-duanya di Serendah.

Berikut ringkasan intipati manifesto tersebut:

EKONOMI

- membangunkan pelancongan tempatan, keusahawanan dan pembangunan industri
- KKB sebagai lokasi bercuti hujung minggu dengan ketengah konsep bandar taman pertama, tapak warisan dengan nilai sejarah dan tapak ekopelancongan
- bekerjasama dengan Tourism Malaysia dan Selangor untuk promosi KKB
- tingkat program keusahawanan anak muda dan wanita melalui program negeri
- bantu usahawan dengan cipta lokasi tarikan unik supaya tular di media sosial
- memanfaat program keusahawanan negeri untuk penduduk
- tingkat peluang kerja di Kawasan Industri Berteknologi Tinggi di Serendah
- pacu pembangunan industri untuk tingkat taraf hidup penduduk

KEMUDAHAN AWAM

- liputan internet yang luas dan laju
- tingkat mutu prasarana termasuk penyelenggaraan berkala
- tambah papan tanda, lampu jalan solar, laluan pejalan kaki dan basikal serta tandas awam
- tambah baik laluan perhubungan KKB dengan bandar utama
- sedia tapak parkir dan van pelancongan untuk elak kesesakan

KESEJAHTERAAN RAKYAT

- sedia peruntukan bantu ibu atau bapa tunggal, orang miskin, orang kurang upaya
- pastikan tiada tercicir dari bantuan pusat khidmat DUN KKB
- sedia pasukan pelbagai kaum untuk komunikasi berkesan dengan rakyat

ALAM SEKITAR

- pastikan kualiti Sungai Chiling terpelihara
- bangunkan KKB sebagai bandar taman
- naik taraf, tambah kemudahan rekreasi dan lokasi pelancongan baru

WARISAN DAN BUDAYA

- teruskan legasi mendiang Lee Kee Hiong dalam aspek seni, sejarah
- pulihara dankekalkan sebagai tapak warisan dan budaya
- perbanyak program warisan dan budaya ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa



**TROPICANA
AMAN**
KOTA KEMUNING

UNIT BUMIPUTERA, PAKEJ ISTIMEWA UNIT TERHAD

POTONGAN HARGA BUMIPUTERA

ELEMEN RESIDENCES



RUMAH TERES 2 TINGKAT
26' x 80'

FREESIA RESIDENCES



RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT
48' x 80' / 38' x 90'

GEMALA RESIDENCES



RUMAH TERES 2 TINGKAT
32' x 75' / 32' x 87'

HANA RESIDENCES



RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT/
RUMAH SESEBUAH 2 & 3 TINGKAT
45' x 80' / 55' x 80' / 60' x 100' / 80' x 100'

1700 81 8868
tropicanaaman.com.my

TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY
No. 2, 1, Persiaran Tropicana Aman, Bandar Tropicana Aman,
42500 Telok Panglima Garang, Selangor,



ELEMEN | Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012/02-2029/1570(R) • Tempoh Sah: 15/02/2024 – 14/02/2029 • No. Permit Iklan dan Juulan: 14012-6/11-2023/0384(R)-(S) • Tempoh Sah: 19/11/2022 – 18/11/2023 • Pihak Berkusa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPKL/JKB/2/4/332/10 • Tarikh Dijangka Siap: Oktober 2023 • Pegangan Tanah: Pajakan 99 Tahun (Tarikh Luput: 09/11/2100) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit: 233 Unit Jenis A: 56 unit; Jenis A1: 20 unit; Jenis A2: 10 unit; Jenis B: 107 unit; Jenis Bt: 20 unit; Jenis B2: 20 unit • Harga Jualan: RM1,166,800 (Min.) – RM2,644,800 (Maks.); Jenis A: RM1,508,800 (Min.) – RM1,921,800 (Maks.); Jenis A1: RM1,782,800 (Min.) – RM2,170,800 (Maks.); Jenis A2: RM2,102,800 (Min.) – RM2,654,800 (Maks.); Jenis B: RM1,657,800 (Min.) – RM1,800,800 (Maks.); Jenis Bt: RM1,687,800 (Min.) – RM1,729,800 (Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.); Jenis B2: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 kps (Min.) – 3,172.12 kps (Maks.); Jenis A: 3,056.30 kps (Min & Maks.); Jenis A1: 3,171.12 kps (Min & Maks.); Jenis A2: 3,172.12 kps (Min & Maks.); Jenis B: 3,013.89 kps (Min & Maks.); Jenis Bt: 3,142.31 kps (Min & Maks.) • Keluaran Bangunan: 3,013.89 k

Sasar 50 produk jenama Ehsan

HULU SELANGOR - Sejumlah 50 produk jenama Ehsan keluaran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) akan masuk pasaran menjelang akhir tahun ini, kata pengurus kanan pemasarannya.

Menurut Md Fazir Abdul Latif, ada 30 unit penyimpanan stok (SKU) antaranya asas seperti tepung gandum, kordial, bihun, sos tomato, sos tiram, kaya pandan, kaya madu, sardin dan cili giling.

"Kita akan tambah dari semasa ke semasa. Menteri juga sudah arahkan (tambah SKU) supaya dapat memenuhi keperluan rakyat."

"Kita jangka sekurang-kurangnya 50 SKU hingga akhir tahun ini," katanya selepas Karnival Kepenggunaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) Selangor dan PKPS pada 4 Mei.

Buku empayar Utsmaniah popular

SHAH ALAM - Lima buku terbitan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) dengan kerjasama Media Selangor antara 10 karya terjemahan paling laris pada April.

Naskhah itu ialah Memelihara Jiwa: Petua Daripada Tabib Kurun ke-9, Gelagat dan Ragam Orang Melayu serta Ramuan Kebahagiaan.

Dua lagi judul terbitan IBDE dengan kerjasama Media Selangor yang menjadi pilihan ramai ialah Apa Itu Tasawuf? dan Detik-Detik Akhir Empayar Utsmaniah.

Selain itu, empat karya Imam Al-Ghazali turut berada dalam kedudukan 10 teratas iaitu Ramuan Kebahagiaan, Perihal Keseherhanaan Dalam Beriktikad, Penyelamat Daripada Kesesatan dan Menghidupkan Ilmu Agama – Jilid 1: Kitab Ilmu.

Naskhah riwayat Rasulullah berjudul Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal karya Martin Lings yang dihasilkan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor kekal pilihan ramai sejak tahun lalu.

Tunda operasi senggara LRA

SHAH ALAM - Kerja penyelenggaraan berjadual Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1) dipinda ke tarikh baharu.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan maklumat rasmi berhubung perkara itu akan dikemas kini menerusi aplikasi, laman sesawang dan laman sosial.

"Air Selangor ingin memaklumkan kerja penyelenggaraan berjadual LRA SSP1 dipinda ke satu tarikh baharu yang akan diumumkan kelak," menurut poster di Facebook baru-baru ini.

Tarikh kerja penyelenggaraan sebelum ini pada 14 hingga 16 Mei yang membabitkan beberapa kawasan sekitar Lembah Klang antaranya daerah Petaling, Klang, Shah Alam dan Kuala Selangor.

Keluar undi tunai tanggungjawab

HULU SELANGOR - Penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu digesa keluar beramai-ramai untuk mengundi bagi memilih wakil rakyat baharu dalam pilihan raya kecil itu pada 11 Mei.

Kakitangan kerajaan Asrul Masumi, 42, berkata orang ramai berpeluang memilih pemimpin yang diingini sekali gus memastikan rancangan pembangunan terus berjalan lancar.

"Jangan lupa keluar mengundi pada tarikh ditetapkan, pilih pemimpin mana yang kita mahu demi kebaikan pembangunan KKB. Peluang ini perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya."

"Saya bukan pengundi sini tetapi isteri akan mengundi. Saya akan bawa

isteri dan pastikan beliau jalankan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Ibu tunggal Siti Fatimah Bulkaini, 38, juga mengajak orang ramai memilih wakil rakyat baharu yang giat menghulur bantuan kebajikan terhadap golongan memerlukan seperti dirinya.

"Saya mahu keluar mengundi kerana saya hendak pilih calon yang mahu bantu dan memperjuang nasib ibu tunggal seperti saya, golongan asnaf atau war-

ga emas," katanya.

Chong Jiun Yen, 36, pula mengingatkan anak muda untuk menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat dengan membuang undi mengikut pilihan masing-masing.

"Saya seru mereka jangan lepas peluang, keluar mengundi. Siapa mereka pilih itu pilihan masing-masing tetapi jalankan tanggungjawab demi masa depan negara lebih baik," kata pemilik kedai barang elektrik.

Warga emas Lim Cho Kee, 75, tidak pernah gagal keluar mengundi kerana menganggapnya kewajipan untuk membentuk sebuah negara yang diingini.



Bantu negeri lonjak KDNK

Hab semikonduktor di Bukit Beruntung

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

KUALA LUMPUR - Pembinaan hab industri semikonduktor di Bukit Beruntung, Hulu Selangor berupaya membantu Selangor mencapai sasaran 30 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2028.

Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Perbadanan) Saipolyazan Mat Yusop berkata pembangunan kawasan perindustrian berkonsep tenaga hijau itu akan dibuat

secepat mungkin.

"Ini kesinambungan pengumuman perdana menteri berhubung pembinaan taman reka bentuk litar bersepadu (IC) dan pemacu semikonduktor Malaysia: Hab Selangor di Puchong.

"Itu akan jadi pusat kajian semikonduktor dan Bukit Beruntung sebagai hab industri. Pembangunan ini akan beri limpahan dan manfaat ekonomi kepada setempat," katanya pada 2 Mei.

Pada Mac, Selangor mendatangi memorandum persefahaman



man (MoU) dengan empat syarikat iaitu ARM Ltd yang berpusat di United Kingdom, Shenzhen Semiconductor Industry Association (China), Phison Malaysia dan SkyeChip bagi membangunkan pusat kajian itu.

Pusat berkenaan yang bakal dikenalpasti Perbadanan Teknologi Maklumat Ekonomi Digital Selangor (Sidec) mulai Jun dijangka menjana pulangan ekonomi sehingga RM1 bilion.

Sidec juga membuka 300 peluang kerjaya profesional terutama kejuruteraan dengan gaji bulanan antara RM5,000 hingga RM7,000 pada awal penubuhan dan dijangka bertambah lagi.

Beli barang murah untuk dua bulan

HULU SELANGOR - Pengajuran Jualan Ehsan Rahmah (JER) di Fraser Valley, Kuala Kubu Bharu di sini memberi peluang kepada penduduk setempat membeli barang keperluan atas bulanan.

Pembantu operasi Latifah Jamaluddin, 41, tidak melepaskan peluang membeli bekalan makanan untuk dua bulan memandangkan program kali ini tidak mengehad pembelian.

"Beberapa kali saya pergi JER termasuk di kawasan rumah di Kampung Orang Asli Tun Razak dan saya faham memang ada had pembelian setiap kali jualan."

"Namun kali ini, mereka kata boleh

beli lebih daripada biasa, jadi saya ambil peluang beli bekalan untuk dua bulan, bolehlah saya berjimat," katanya pada 4 Mei.

Program itu sempena Karnival Kepenggunaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) Selangor dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor pada 4 Mei.

Latifah turut berharap JER dianjur lebih kerap di kawasan luar bandar terutama kampung Orang Asli kerana mereka sukar untuk keluar ke bandar membeli barang keperluan.

Kakitangan awam Zaini Husin, 47, pula tertarik untuk datang selepas ra-



kannya memaklumkan barang JER murah manakala kualitinya setanding pasar raya.

"Bila tengok kualiti barang memang puas hati. Saya belanja kurang RM100 di sini untuk beli ayam, beras, ikan dan beras. Kalau di luar sudah pasti perlu bayar lebih."

"Saya terus beli untuk bekalan sebulan di rumah. Lepas ini memang pergi lagi sebab barang ditawarkan memang bermutu," katanya.

Pesara, Ahmad Kamil Johor, 70, berkata pengajuran jualan murah bagus bagi membantu rakyat yang terjejas akibat kos saraw hidup yang meningkat.

"Saya sebagai warga emas yang sudah bersara memang suka kerana mudah untuk pergi," katanya.



Syukur insentif haji

Oleh ABDUL RAHIM SABRI, NORRASYIDAH ARSHAD & ZAREEF MUZAMMIL

Kerajaan Selangor tidak melupakan kebijakan umat Islam dijemput menjadi tetamu Allah menunaikan haji di Makkah tahun ini.

Seramai 6,000 orang diumumkan bakal menerima Insentif Haji Muassasah bernilai RM1,000 seorang dengan jumlah peruntukan RM6 juta pada 3 Mei.

Keprihatinan Kerajaan Negeri menaikkan jumlah insentif dapat menampung perbelanjaan serta membolehkan insan terpilih itu beribadah dengan selesa di tanah suci.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata insentif itu meningkat tiga kali ganda berbanding tahun lalu iaitu RM1.5 juta.

Berbanding 2022 dan 2023, hanya seramai 3,000 jemaah menerima sumbangan RM500 seorang termasuk kit haji daripada Kerajaan Negeri.

Selangor juga bakal menanggung kos perjalanan 36 jemaah daripada keluarga kurang berkemampuan untuk mengerjakan ibadah itu secara percuma tahun ini.

Ia susulan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada 28 April. Justeru RM1.2 juta akan dibelanjakan untuk tujuan itu.

Bilangan jemaah haji Selangor yang bakal mengerjakan ibadah kelima dalam rukun Islam di Makkah pada tahun ini seramai 8,061 orang.

Sementara bilangan pendeposit di Tabung Haji bagi negeri seramai 1.81 juta dengan jumlah simpanan RM18.797 bilion.

Dilaporkan seramai 222 bakal jemaah haji sekitar Hulu Selangor menerima Insentif Haji Muassasah bernilai RM1,000 setiap seorang.

Berikut reaksi penerima skim Insentif Haji Muassasah yang ditemui bual Selangorkini di DUN Batang Kali pada 30 April dan 2 Mei.

“Memang saya tidak menyangka. Alhamdulillah rezeki saya. Boleh tumpang kos beli barang keperluan sebelum berangkat ke tanah suci.”

Zurinawati Sahruji, 51, guru



Foto REUTERS

“Sumbangan ini memang dapat membantu kurangkan kos perbelanjaan. Saya memang tahu ada bantuan ini tapi tak sangka meningkat. Wang ini juga untuk uruskan persiapan.”

Supt Mohd Rusli Din,
59, timbalan komandan Maktab Polis
Kuala Kubu Bharu



“Duit ini juga boleh membantu kiranya harga barang di Makkah mahal. Boleh bantu ringankan beban belanja.”

Azura Karim, 49, guru



“Usaha yang tepat. Memang dapat membantu. Sekarang kos menunaikan haji meningkat, jadi pemberian ini sangat membantulah. Bersyukur dan terima kasih kepada Allah dan Kerajaan Selangor yang prihatin dan dapat beri sumbangan.”

Zaharudin Abdullah, 57, konsultan trafik



“Saya melihat komitmen tinggi Kerajaan Negeri untuk membantu jemaah haji Selangor. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang memberi insentif RM1,000 kepada semua jemaah haji Selangor. Sedikit sebanyak dapat membantu perbelanjaan di tanah suci nanti.”

Fahim Nurazri Abdul Rahim,
30, eksekutif logistik



“Saya ada dengar kenaikan insentif RM500 kepada RM1,000, pada saya amat bertepatan dengan situasi semasa kerana pengurusan haji makin meningkat dan secara tak langsung membantu jemaah haji Selangor. Pada saya pentadbiran negeri Selangor adalah terbaik.”

Abd Halim Abd Karim, 55, guru



“Kerajaan Negeri komited untuk membantu rakyat Selangor terutama bakal jemaah haji. Saya sangat bersyukur dapat tambahan insentif ini.”

Nur Aida Mohd Saidi,
39, pembantu klinik



“Bantuan yang diberikan termasuk menaja beberapa jemaah dengan tajaan penuh, saya lihat satu usaha yang sangat bagus. Ia dapat meningkatkan kepercayaan rakyat Selangor kepada kerajaan sendiri.”

Nur Fahada Mohd Jayani,
25, graduan UiTM Shah Alam

PERUNTUKAN PROGRAM INSENTIF HAJI MUASSASAH

Tahun	Bilangan Penerima	Peruntukan (RM)	Catatan
2020	-	-	Pandemik Covid-19
2021	-	-	Pandemik Covid-19
2022	3,000	1,654.800	Sumbangan wang tunai dan kit haji
2023	3,000	1,653.000	Sumbangan wang tunai dan kit haji
2024	6,000	6,000,000	Sumbangan wang tunai

Sumber Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI

Elaun pemimpin masjid ditambah

Oleh ABDUL RAHIM SABRI & NAZLI IBRAHIM

Selangor menyediakan dana besar kepada pentadbir masjid dan surau demi mengangkat syiar Islam negeri ini.

Dalam 100 hari selepas menyambung tugas pada Ogos 2023, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengotakkan janji Kerajaan Perpaduan dengan mengumumkan kenaikan elauan bulanan imam, bilal, siak dan nazir.

Berdasarkan manifesto Tawaran Kita Selangor: 5 Tekad Untuk 5 Tahun, Kerajaan Negeri mahu menaikkan elauan imam kepada RM1,600, RM700 (bilal), RM500 (siak) dan RM500 (nazir) secara berperingkat.

Pada 4 Oktober 2023, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju menambah elauan bulanan 760 imam sebanyak RM200 kepada RM1,500 seorang.

Manakala 1,900 pegawai masjid mendapat tambahan RM50 sebulan seorang kepada RM340 (bilal), RM300 (nazir) dan RM290 (siak).

Setakat Jun 2023, seramai 782 orang imam menerima RM1,300 sebulan setiap seorang.

Sementara bilal menerima RM290 seorang. Siak pula mendapat RM240 seorang.

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) memperuntuk dana RM11.7 juta setahun, termasuk RM7.6 juta daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk imam.

Untuk 782 orang bilal, jabatan tersebut menyediakan peruntukan RM2.2 juta, manakala dana untuk siak pula RM1.7 juta.

Keseluruhannya, elauan untuk imam dan penggerak masjid termasuk nazir, timbalannya, setiausaha dan bendahari berjumlah RM18.1 juta setahun pada 2023.

Jumlah ini tidak termasuk RM972,400 kepada penolong setiausaha, penolong bendahari, sembilan ahli jawatankuasa (AJK) dan dua pemeriksa kira-kira yang disumbang Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Sementara sumbangan agensi agama seperti Jakim dan LZS untuk menampung elauan pegawai dan jawatankuasa masjid bernilai RM19.1 juta setahun.

Perbelanjaan ini untuk 436 masjid yang dipecahkan kepada enam kategori: kariah (375 buah), institusi (17), naik taraf (26), diraja (lapan), daerah (sembilan) dan negeri (sebuah).

Demi menyemarak syiar Islam, belanjawan negeri tahun ini memperuntuk RM2 juta menaik



taraf pentadbiran 20 masjid kariah kepada masjid pengurusan.

Masjid Kampung Melayu Rasa antara institusi dibangunkan kerajaan negeri. Ia dirasmikan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada 23 Mac.

Siap kira-kira setahun lalu, masjid dibina atas tanah seluas enam ekar melibatkan kos pembinaan RM13 juta mampu menampung sehingga 1,600 jemaah pada satu-satu masa.

KENAIKAN ELAUN BULANAN PENGERAK MASJID

Jawatan	Lama (RM)	Baharu (RM)	Kenaikan (RM)
Imam	1,300	1,500	200
Nazir	250	300	50
Bilal	290	340	50
Siak	240	290	50

Sumber kenyataan Dato' Menteri Besar, 4 Oktober 2023

Berhubung kenaikan elauan, berikut temu bual dengan pentadbir Masjid Kampung Melayu Rasa pada 26 April yang melahirkan rasa gembira dan bersyukur:



"Bantuan begini dapatlah bantu imam, bilal, siak kita untuk tampung mana yang perlu dan sambut raya lebih baik."

Bantuan ini memang patut diteruskan."

Kamarudin Abu Samah, 59,
imam



"Untuk kenaikan baharu ini, syukur. Bolehlah menampung serba sedikit apa yang perlu tetapi kalau ikutkan keperluan harian, kalau boleh dipertimbangkan naikkan lagi sedikit."

Abdul Ghani Abu Kassim, 67,
nazir



"Alhamdulillah, saya rasa kenaikan ini memang wajar sebab tanggungjawab mereka menjalankan tugas, berkorban masa dan tenaga. Terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri."

Muhamad Fais Abdul Ghani, 31,
ahli jawatankuasa

Bantuan untuk wanita

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR, SHEEDA FATHIL & SITI ROHAIZAH ZAINAL

Selangor memang terkenal dengan program kebajikan untuk semua golongan, termasuk wanita. Daripada lebih kurang 50 usaha kebajikan Iltizam Selangor Penyayang (ISP), sebahagian besarnya untuk kaum Hawa.

Setakat tahun lalu, Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) memberi manfaat 21,236 ibu bapa. Mereka menerima bantuan yuran tadika RM50 sebulan bagi anak prasekolah.

Seramai 5,899 mendaftar akaun Sijil Simpanan Premium Nasional (SSPN) Prime bagi anak lahir mulai 2022. Kerajaan Negeri menyumbang RM100 setahun untuk tempoh lima tahun.

Untuk golong kurang upaya, Iltizam Anak Istimewa Selangor (ANIS) menyalur bantuan kepada 4,284 keluarga yang mempunyai anak istimewa.

Sementara Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar) pula membawa manfaat kepada 3,263 keluarga berpendapatan rendah (B40) membayar yuran taman asuhan kanak-kanak (taska). Mereka menerima bantuan RM100 sebulan untuk anak berusia 4 tahun ke bawah.

Sehingga 2023, Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Kanak-kanak (IMPAK) membantu 352 wanita mendapat kursus mengasuh kanak-kanak di rumah.

Bagi mengurangkan kos perbelanjaan dapur, Kerajaan Negeri menyediakan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS). Seramai 30,000 keluarga mendapat RM300 setiap bulan untuk keperluan asas.

Senarai bantuan ini hanya sebahagian yang membawa manfaat kepada kaum Hawa. Kerajaan Negeri juga menyediakan pelbagai bantuan untuk anak, pelajar dan belia ke arah kesejahteraan keluarga.

Program di atas antara 47 inisiatif ISP yang disediakan dalam tempoh lima tahun sejak 2018. Untuk lima tahun berikutnya, Kerajaan

Negeri menambah lagi program bantuan bagi menyenangkan rakyat.

Selepas pilihan raya negeri Ogos lalu, bantuan MamaKerja disalurkan kepada 5,000 wanita bekerja untuk mengurangkan kos penjagaan anak. Pendek kata, semua golongan memerlukan mendapat bantuan kerajaan.

Belia dan pelajar

Program Tuisyen Rakyat Selangor

Membantu 166,853 calon Sijil Pelajaran Malaysia dan murid tahun enam menerusi pembelajaran dalam talian

Iltizam Pendidikan Fardhu Ain

Memanfaat 38,632 murid keluarga B40 di 296 KAFAI seluruh Selangor dengan subsidi yuran RM30 sebulan

Iltizam Mahasiswa Selangor

Seramai 18,350 anak Selangor menerima manfaat bantuan RM1,000 di institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi diploma dan sarjana muda

Peduli Siswa

Seramai 3,987 anak Selangor menikmati pembiayaan pendidikan peringkat Sijil/Diploma/Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam negara

Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor

Sebanyak 3,981 sekolah di Selangor menerima bantuan kewangan pembangunan dan baik pulih infrastruktur

Bantuan Yuran Asas Universiti (BAYU)

Seramai 3,551 anak Selangor daripada keluarga B40 menerima bantuan yuran asas mahasiswa

Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS)

Seramai 2,244 mendapat latihan kemahiran dan pembangunan usahawan berorientasi kemahiran

Skim Pinjaman Teknologi Asas Selangor (SEPINTAS)

Seramai 608 pelajar B40 memperoleh pinjaman komputer untuk pembelajaran di rumah

“Pendapatan tidak tentu kadang-kadang RM40 sehari atau tiada langsung. Lebih teruk kalau musim hujan kerana tidak boleh menoreh. BINGKAS sangat membantu untuk beli makanan. Sekurang-kurangnya tidaklah berlapar dan masih ada makanan yang dibeli dengan duit ini. Terima kasih Kerajaan Selangor kerana sudi membantu kaum wanita.”



R Mala, 36

“Dengan pendapatan hanya RM1,000 dan perlu bekerja sendiri menyara dua anak masih bersekolah sudah pasti agak terkesan. Saya berharap bantuan ini ditambah sedikit lagi bagi meringankan beban memandangkan kos sara hidup ketika ini tinggi. Orang B40 amat memerlukannya.”



M Danalethchumy, 45

Kesihatan

Skim Insurans Hayat Selangor (INSAN)

Seramai 5.24 juta rakyat Selangor berumur antara 30 hari hingga 80 tahun dilindungi insurans kemalangan diri berkumpulan percuma Iltizam Selangor Sihat

Seramai 1,065,625 orang menerima perkhidmatan rawatan asas dan manfaat insurans

Selangor Mental Sihat (SEHAT)

Saringan awal, talian SEHAT, subsidi rawatan psikiatri, pembangunan modul serta latihan kaunselor memberi manfaat kepada 529,832 orang

Program Saringan Kesihatan Percuma (Selangor Saring)

Program saringan kesihatan (tekanan darah, air kencing, kandungan gula) percuma memanfaat 28,691 orang

Bantuan Sihat Selangor

Bantuan rawatan dialisis, alatan perubatan, katarak mata, pembedahan kecil, kaki palsu dan lain-lain memanfaat 11,081 orang

Pemeriksaan kesihatan mata

Seramai 10,464 rakyat mendapat pemeriksaan mata percuma

Ujian Saringan Selangor Kanser (SELCan)

Seramai 9,014 orang menjalani saringan kanser (mammogram, prostat, kolorektal dan pangkal rahim) percuma

Program Anak Selangor Anak Sihat

Seramai 1,825 kanak-kanak umur 5 tahun dan ke bawah yang kurang zat makanan mendapat bantuan nutrisi

Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)

Seramai 1,651 wanita berumur 50 tahun ke atas menjalani pemeriksaan mammogram, biopsi dan ultrasound percuma

Rawatan tuberculosis

Seramai 2,762 pesakit tuberculosis memperoleh bantuan kewangan untuk rawatan

Skim rawatan jantung

Seramai 1,777 pesakit jantung mendapat bantuan kos rawatan

MamaKerja

“Insentif ini sangat membantu kerana tiga anak bersekolah dan suami pula bekerja sendiri. Oleh itu, pendapatan bulanan tidak cukup kerana keperluan anak-anak bersekolah. Alhamdulillah, dengan bantuan ini dapat selesaikan yuran sekolah anak-anak.”



Siti Norasyikin Sahat, 39

Bantuan peniaga - Hijrah

“Saya amat terkesan ketika Covid-19 kerana tidak dapat berniaga. Dengan adanya pinjaman ini, perniagaan masih bertahan. Dahulu saya peminjam skim i-Bisnes dan kini skim Pembiayaan Niaga Darul Ehsan. Pembiayaan Hijrah sangat membantu kerana mudah dan proses bayaran balik tidak membebankan.”



Masni Ishak, 51

Selangorkini mendapatkan reaksi beberapa penerima bantuan pada 4 Mei di Hulu Selangor:

BINGKAS

“BINGKAS meringankan beban. Harga susu formula agak mahal, syukur wang itu boleh guna beli susu. Ada kalanya saya beli barang keperluan lain. Saya bersyukur BINGKAS banyak membantu menjimatkan perbelanjaan bulanan keluarga.”



Noorzamira Zulkifli, 38

“BINGKAS sangat membantu. Jumlah diberi bagi saya cukup, saya syukur sangat dan terima kasih kepada Kerajaan Selangor. Bantuan sehingga RM3,600 setahun ini untuk beli antaranya ayam, beras, telur dan tepung.”



Normaliza Osman, 39



Sock Tao bersama isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika program ramah mesra di Kerling pada 4 Mei



Dato' Menteri Besar melawat penduduk yang rumahnya dilanda ribut di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak pada 3 Mei



Amirudin menyerahkan bengkung kepada anggota Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayung Malaysia di Batang Kali pada 5 Mei



Dato' Menteri Besar mendatangani plak ketika perasmian penjenamaan semula Perpustakaan Syed Mashor di Kuala Kubu Bharu pada 3 Mei



Calon HARAPAN mengedarkan risalah profil dirinya kepada peniaga di Bazar Warisan Temasya, pekan Kuala Kubu Bharu pada 4 Mei



Dato' Menteri Besar berucap ketika Ceramah Mega Perpaduan PRK Kuala Kubu Bharu di Bandar Utama Batang Kali pada 3 Mei



Sock Tao menziarahi Azimah Azhar, 38, balu mangsa lemas Sungai Balak, Arif Fadzil Abdul Saleh di Hospital Kuala Kubu Bharu pada 6 Mei

Sedia khidmat

Memasuki minggu terakhir kempen, calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao terus memperhebatkan gerak kerja memenangi hati pengundi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu.

Pelbagai program disertainya bersama jentera Pakatan Harapan (HARAPAN) bagi memastikan pengundi kekal mendukung Kerajaan Perpaduan di Selangor pada hari mengundi, 11 Mei ini.

Pada masa sama, Kerajaan Selangor pimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari meneruskan usaha membangunkan negeri termasuk daerah Hulu Selangor.

Kerusi tersebut satu dari tiga DUN dalam kawasan parlimen Hulu Selangor.

Selain hadir ke majlis rasmi di daerah berkenaan, Amirudin juga turun padang mendekati rakyat yang terkesan dengan bencana alam yang menimpakawasan berkenaan baru-baru ini.

Jurufoto FIKRI YUSOF dan MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN merakamkan sebahagian program dan aktiviti Sock Tao dan Dato' Menteri Besar yang berlangsung di sekitar Kuala Kubu Bharu. Sebahagian lagi foto daripada Facebook Xiao Tao. Keterangan gambar oleh HAFIZAN TAIB.

The manifesto booklet includes sections such as Ekonomi, Kemudahan, Alarm Sekitar dan Rekreasi, Warisan dan Budaya, and Kesejahteraan Rakyat.



Berdiri di pinggir jalan, penyokong mengangkat plakat Sock Tao ketika tinjauan Selangorkini sekitar pekan Kuala Kubu Bharu pada 1 Mei



Sock Tao mengumumkan manifesto lima perkara (foto utama) ketika ceramah di Bandar Utama Batang Kali pada 3 Mei



Calon HARAPAN bermesra dengan orang ramai ketika Majlis Sambutan Hari Raya Desa Alam Ria di Batang Kali pada 6 Mei



Sock Tao menyampaikan ucapan ketika ceramah kelompok bersama pengundi di Rumah Murah Padang Tembak pada 4 Mei



Calon Kerajaan Perpaduan bermesra dengan orang ramai ketika program Jualan Ehsan Rahmah di Dewan Serbaguna Kerling pada 2 Mei

Manfaat untuk semua

Dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 13 Oktober 2023, Belanjawan 2024 memperuntuk RM393.8 bilion yang menyasar usaha menyokong ekonomi rakyat, khususnya golongan rentan.

Program bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) di bawah inisiatif Payung Rahmah paling mendapat tumpuan. Edisi lepas memperincikan manfaat STR dan SARA untuk rakyat pendapatan rendah.

Selain dua program berkenaan, terdapat juga inisiatif lain yang memberi manfaat kepada peniaga kecil dan sederhana, petani dan nelayan, orang kurang upaya (OKU) dan golongan muda termasuk pelajar.

Program yang disusun dalam belanjawan kedua Kerajaan Perpaduan bertema Reformasi Ekonomi Memperkasa Rakyat mampu merealisasikan hasrat membasmi kemiskinan dan mengukuh negara.

Belanjawan pertama oleh perdana menteri berjumlah RM388.1 bilion dibentangkan 24 Februari tahun lepas. Sebelum itu, Belanjawan 2023 dibentangkan kerajaan terdahulu pada 7 Oktober 2022 memperuntukkan RM372.3 bilion.

Bagaimanapun, ia tidak sempat dibahas dan dilulus susulan pembubaran parlimen pada 10 Oktober yang memberi laluan kepada pilihan raya umum 2022. Wartawan FARIDZWAN ABDUL GHAFAR menyorot sebahagian program belanjawan persekutuan 2024 yang menyokong ekonomi rakyat.

PETANI, PENTERNAK & NELAYAN

Manfaat	Peruntukan (RM)
subsidi, insentif dan bantuan rakyat. Hampir separuh untuk mengawal harga barang dan perkhidmatan	58.1 bilion
merintis penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun	3 bilion
subsidi dan insentif kepada pesawah dan nelayan	2.6 bilion
kemudahan pinjaman Agrobank kepada pengusaha agromakanan	430 juta
biaya kos pengangkutan dan pengedaran barang keperluan asas ke desa serta pedalaman	225 juta
dana permulaan Skim Takaful Tanaman Padi untuk lebih 240,000 pesawah	50 juta
pampasan petani, penternak dan nelayan sehingga 50 peratus nilai kerugian akibat bencana di bawah Tabung Bencana Pertanian	50 juta
bantuan nelayan berpendapatan rendah membaiki dan membina rumah baharu	10 juta
harga lantai belian padi naik kepada RM1,300 satu tan	*
kadar Skim Subsidi Harga Padi naik RM360 kepada RM500 per metrik tan	*
meneruskan subsidi diesel, elauan sara hidup bulanan dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan kepada nelayan	*

PELAJAR & ANAK MUDA

bina 26 sekolah baharu antaranya di Sabah, Sarawak, Pahang, Perak, dan Kelantan	2.5 bilion
naik taraf bangunan dan prasarana daif serta penyenggaraan semua jenis sekolah seluruh negara	1.9 bilion
bina 18 blok baharu pendidikan khas di sekolah terpilih seluruh negara	180 juta
bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin kepada murid Tahun 1 hingga Tingkatan 3. Memanfaat lebih 1,000,000 murid	150 juta
penyenggaraan dan naik taraf makmal komputer sekolah dan memperoleh peralatan baharu untuk pembelajaran sains, matematik, kejuruteraan dan teknologi (STEM)	100 juta
menyediakan pensijilan profesional diiktiraf kepada graduan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET)	100 juta
melaksana Program Academy in Industry untuk sediakan kemahiran sambil bekerja dalam tempoh sehingga 18 bulan	70 juta
program Tahfiz TVET untuk pelajar tahfiz	17 juta
peluasan kriteria pendapatan ibu bapa bagi permohonan Biasiswa Kecil Persekutuan (BPK) mengikut pendapatan garis kemiskinan RM2,589. Manfaat tambahan 35,000 penerima	*
PENGGUNA PRASARANA	
baiki dan naik taraf pusat penjaja dan pasar awam uzur di 150 pihak berkuasa tempatan (PBT)	110 juta
bina 4,000 unit ruang niaga baharu di PBT serta pengecualian sewa kios enam bulan pertama peniaga	50 juta
KESIHATAN	
untuk bekalan ubatan, bahan guna habis, reagen dan vaksin	5.5 bilion
biaya bantuan tunai dan penyaluran dana institusi penjagaan dan pusat aktiviti warga emas	1 bilion
perolehan peralatan perubatan hospital termasuk perolehan ambulan	766 juta
baik pulih 400 klinik uzur berstruktur kayu dan pendawaian usang	300 juta

INSAN ISTIMEWA & WARGA EMAS

pelbagai bantuan seperti penjagaan OKU kronik terlantar, OKU tidak upaya bekerja dan elauan pekerja OKU	1.2 bilion
biaya bantuan tunai dan penyaluran dana institusi penjagaan dan pusat aktiviti warga emas	1 bilion
naikkan kadar elauan pelatih OKU Program Pemulihan Dalam Komuniti daripada RM150 kepada RM300 sebulan. Memanfaatkan lebih 18,000 pelatih OKU	30 juta
membekalkan peralatan sokongan pendidikan khas dan menyediakan kemudahan mesra OKU bagi memudahkan urusan murid dan guru di sekolah	30 juta
galakan komuniti rentan seperti OKU, Orang Asli, ibu tunggal dan warga emas mengikuti program pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti	5 juta

PELANCONG, PENCINTA SENI & BUDAYA

pengecualian sepenuhnya duti hiburan bagi persembahan pentas artis tempatan di Wilayah Persekutuan	*
pengurangan lima peratus duti hiburan bagi taman tema, pusat rekreasi keluarga, pusat permainan indoor dan simulator di Wilayah Persekutuan	*
inisiatif Film In Malaysia Incentive (FIMI) galak penghasilan filem bertaraf antarabangsa.	90 juta
memelihara dan memulihara bangunan dan tapak warisan berpotensi diiktiraf UNESCO	80 juta
Dana Kandungan Digital promosi karya tempatan dan menyokong kandungan berteraskan nilai kenegaraan	60 juta
kepada agensi berpotensi ketengahkan karya seni dan sastera negara, pergiat persembahan teater warisan serta pupuk minat membaca karya agung dalam kalangan belia	50 juta
peruntukan kepada Think City untuk angkat dan pulihara Kuala Lumpur sebagai bandar raya kreatif	20 juta
manfaat Kerajaan Negeri bagi menyenggara dan memulihara lokasi pelancongan	20 juta

PENJAWAT AWAM & PEKERJA

had siling gaji bagi Skim Ex-Gratia Bencana Kerja ditingkatkan kepada RM6,000 selaras pindaan Skim PERKESO bagi sektor swasta	*
RM2,000 kepada semua penjawat awam Gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak dan RM1,000 kepada semua Jawatan Utama Sektor Awam. Insentif RM1,000 kepada pesara Kerajaan termasuk veteran berpencen serta veteran tidak berpencen	*

PENERIMA SUBSIDI & REBAT

rebat RM2,400 beli motosikal elektrik kepada rakyat berpendapatan tahunan RM120,000 ke bawah	*
--	---

PENIAGA & USAHAWAN KECIL

pinjaman dan jaminan pembiayaan tersedia untuk usahawan Perusahaan Mikro Kecil Sederhana (PMKS)	44 bilion
untuk Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) jamin sehingga 80 peratus pinjaman PKS	20 bilion
dana pinjaman Bank Negara menyokong syarikat PKS. RM600 juta daripadanya untuk usahawan mikro dan usahawan berpendapatan rendah	8 bilion
pinjaman mikro Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk modal perniagaan, pembelian peralatan, premis serta pemasaran kepada penjaja dan pengusaha kecil-kecilan	1.4 bilion
galak wanita dan anak muda mencebur perniagaan	720 juta
biaya TEKUN kepada peniaga kecil, usahawan India, Orang Asli serta Bumiputera Sabah dan Sarawak	330 juta
geran pendigitalan sehingga RM5,000 untuk lebih 20,000 usahawan PKS dan pengusaha mikro	100 juta
melaksana Program Shop Malaysia Online galakkan peniaga kecil berniaga dari rumah	40 juta
dana tambahan i-TEKAD secara geran padanan dengan institusi kewangan memanfaatkan usahawan	25 juta
memperkasa Pusat Ekonomi Digital setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi menyokong pengusaha kecil peringkat komuniti menjual produk atas talian	25 juta

* tidak berkenaan

Negeri semakin maju

Oleh FARIDZWAN ABDUL GHAFAR

Selangor terus mencatat prestasi kewangan dan ekonomi unggul dalam tempoh pentadbiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Jumlah agregat Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri (rizab) kukuh dengan rekod peningkatan kepada RM3.7 bilion, setakat 9 November 2023. Hasil negeri pula mencapai RM2.4 bilion.

Sepanjang tahun lalu, Selangor meraih pelaburan RM55.3 bilion, dengan pecahan RM37.9 bilion tempatan dan RM17.4 bilion lagi dari luar negara.

Daripada jumlah tersebut, menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), sektor perkilangan berjumlah RM19.3 bilion, termasuk RM13.67 bilion pelaburan asing.

Selain hutang negeri kepada kerajaan persekutuan makin menurun, sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Selangor kepada negara terus meningkat antara 2018 hingga 2022. Lihat empat graf di bawah.

Angka terbaharu KDNK belum diumumkan tetapi Selangor dijangka terus menjadi penyumbang utama berdasarkan kerancakan ekonomi 2023, kata Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Dato' Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Bagi tahun ini, ekonomi negeri diunjur tumbuh lebih pantas pada kadar 5.2 peratus dengan sasaran pelaburan RM50 bilion.

Perkembangan positif diraih Selangor bertepatan kenyataan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 20 Mac yang mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang ekoran permintaan luar bertambah baik susulan pemulihan perdagangan global.

Berikut ringkasan sebahagian unjuran dan pencapaian ekonomi Malaysia dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini:

- BNM unjurkan ekonomi Malaysia berkembang antara 4 hingga 5 peratus tahun ini
- Hong Leong Investment Bank Bhd menjangka kedudukan kewangan kerajaan kukuh tahun ini dengan jangkaan penjimatan perbelanjaan tahunan 0.8 peratus kepada RM393.8 bilion pada 2024 berbanding RM397.1 bilion tahun lepas

Komitmen kewangan kerajaan ketika ini lebih rendah berikutan ketidaaan pembayaran balik bon 1Malaysia Development Berhad dan sasaran deficit fiskal -4.3 peratus daripada KDNK 2024 boleh dicapai

- firma penyelidikan BMI menjangkakan perbelanjaan isi rumah Malaysia naik 5 peratus kepada RM903.8 bilion
- kadar inflasi Malaysia kekal rendah 1.8 peratus pada Mac 2024 dengan mata indeks mencatatkan 132.2
- kadar pengangguran di Malaysia setakat Februari kekal 3.3 peratus, dengan bilangan penganggur lebih rendah iaitu 567,000 orang
- perdagangan Malaysia meningkat 7.1 peratus kepada RM690.59 bilion suku pertama tahun ini
- pasaran saham Malaysia kedua terbaik di Asia Tenggara selepas Filipina. Pada 1 Mei,

FTSE Bursa Malaysia KLCI berada pada paras 1,575.97 mata

- harga minyak sawit mentah pada 2024 dijangka kukuh dengan purata harga satu tan antara RM3,900 hingga RM4,200
- Malaysia menarik potensi pelaburan asing RM76.1 bilion setakat Mac, hasil kejayaan misi perdagangan dan pelaburan negara di Australia, Jerman dan Perancis
- Microsoft Corp pada 2 Mei setuju melabur RM10.5 bilion dalam infrastruktur awan dan kecerdasan buatan (AI) Malaysia untuk empat tahun akan datang, bakal meningkatkan kemahiran 300,000 rakyat Malaysia dan mempercepatkan transformasi digital negara
- Malaysia Airlines mencatat untung bersih kali pertama sejak 2010 iaitu RM766 juta pada tahun kewangan penuh 2023 berbanding kerugian bersih RM344 juta pada tahun sebelumnya

Kurang dua tahun Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mentadbir, ekonomi kini dalam landasan terbaik berkembang semula selepas krisis akibat pandemik Covid-19, namun beberapa konflik antarabangsa seperti Perang Rusia-Ukraine dan Perang Gaza boleh merencatkan pertumbuhan.

Konflik berkenaan boleh menyebabkan harga komoditi utama dunia, terutama minyak mentah melambung. Selain itu, kadar faedah yang tinggi oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat juga boleh mempengaruhi prestasi ekonomi serantau.

SUMBANGAN SELANGOR KEPADA KDNK MALAYSIA, 2008 - 2022



JUMLAH PELABURAN SEKTOR PEMBUATAN, 2006 - 2023



Sumber Lembaga Pembangunan Pelaburan

RIZAB SELANGOR, 2013 - 2023



HUTANG TERKUMPUL KEPADA KERAJANAN PUSAT, 2008 - 2022



Sumber Dewan Negeri Selangor



IKTIRAF... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Setiausaha Agung Liga Dunia Muslim yang juga Pengurus Pertubuhan Ulama Islam, Sheikh Dr Mohammed Abdulkarim Al-Issa dalam istiadat konvoesyen khas Universiti Malaya, Petaling Jaya pada 7 Mei. Foto BERNAMA

Tertinggi sejak 32 tahun

Microsoft labur RM10.5 billion

SHAH ALAM - Microsoft melabur RM10.5 bilion dalam prasarana awan dan kecerdasan buatan (AI) dalam empat tahun akan datang, kata Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Satya Nadella.

"Kami mahu memastikan kami mempunyai prasarana bertaraf dunia di negara ini supaya setiap organisasi, pembangunan perisian dan syarikat pemula niaga boleh menggunakan," katanya.

Beliau berucap sempena Microsoft Build AI Day di ibu negara pada 2 Mei seperti dilapor Bernama.

Menurut Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Facebook, nilai pelaburan tersebut tertinggi sejak Microsoft bertapak di Malaysia pada 32 tahun lalu.

Satya memberitahu pelaburan itu me-

menuhi permintaan untuk perkhidmatan pengkomputeran awan sekali gus Malaysia boleh memanfaat peluang ekonomi dan produktiviti daripada teknologi AI.

"Pelaburan dalam prasarana digital dan kemahiran membantu perniagaan, komuniti dan pembangunan perisian menggunakan teknologi terkini untuk memacu pertumbuhan ekonomi," katanya.

Katanya, lebih 14 peratus pertumbuhan KDNK tambahan diunjur di rantau ini melalui teknologi AI dalam sektor antaranya penjagaan kesihatan, pendidikan, peruncitan dan tenaga.

"Kami menetapkan untuk memperkasa setiap individu dan organisasi di Malaysia untuk mencapai lebih banyak ke-

jayaan. Sehubungan itu, kami membina infrastruktur awan yang lengkap.

"Sebagai sebuah syarikat platform, kami fokus membawa platform bertaraf dunia bagi memperkasa setiap pembangunan perisian, syarikat untuk membina lebih banyak teknologi," katanya.

Pelaburan itu antaranya membina prasarana digital, mewujudkan peluang kemahiran AI, menubuh Pusat Kemerlangan AI Nasional dan meningkatkan keupayaan keselamatan siber.

Menurut penyelidikan Kearney, AI boleh menyumbang hampir US\$1 trilion Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Asia Tenggara menjelang 2030. Malaysia dijangka mampu meraih US\$115 bilion.

Kenaikan gred rendah 30 peratus

SHAH ALAM - Kenaikan gaji penjawat awam boleh mencecah antara 25 hingga 30 peratus bagi kalangan bergaji rendah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menjelaskan pengumuman sempena Hari Pekerja bertujuan menaikkan pendapatan kelompok bergaji rendah dan mengurangkan kenaikan yang bergaji tinggi, lapor Bernama.

Katanya, pendekatan itu yang disifatkannya berbeza dengan pentadbiran kerajaan sebelum ini bertujuan mengimbangi pendapatan antara penjawat awam gred rendah dan tinggi.

"Bagi kalangan yang (bergaji) rendah mungkin cecah 25 hingga 30 peratus. Saya utamakan kelompok (bergaji) rendah dan kurangkan di kelompok yang tinggi," katanya.

Anwar yang juga menteri kewangan berkata demikian dalam program Soal Jawab Perdana Menteri bersama empat stesen televisyen tempatan pada malam 1 Mei.

Perdana menteri menambah kenaikan lebih 13 peratus itu melibatkan gaji pokok, bukannya elaun. Perincian itu akan dibincang dalam mesyuarat Kabinet sebelum diputuskan.

"Walaupun pernah diperkenal dulu 35 peratus tetapi itu daripada gred 1 hingga gred 16. Secara keseluruhan, ini antara paling tinggi dengan kos mencecah lebih RM10 bilion," katanya.

Beliau mahu memastikan pendapatan minimum melebihi RM2,000 sebulan berbanding gaji dan elaun tetap bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam pada masa ini RM1,795 sebulan.

Menyifatkan kenaikan berkenaan bertujuan menghargai jasa penjawat awam, Anwar mengingatkan mereka supaya meningkatkan produktiviti selari pertambahan gaji.

Larang syarikat Israel beroperasi

SHAH ALAM - Malaysia kekal dengan pendirian untuk tidak membenarkan mana-mana syarikat berdaftar di Israel untuk menjalankan sebarang kegiatan di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu tiada syarikat Israel dibenarkan masuk atau beroperasi di Malaysia sejak Kerajaan Perpaduan mendudbir negara, lapor Bernama.

"Tidak ada, kita tidak benarkan. Ingat, tahun 2002, yang benarkan kapal Israel masuk adalah Tun Dr Mahathir Mohamad semasa jadi perdana menteri.

"Itu diteruskan sehingga kita batalkan, itu pendirian kita," kata beliau kepada media selepas majlis peluncuran Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024-2028 di Putrajaya pada 7 Mei.

Beliau mengulas gesaan Dr Mahathir supaya mengusir syarikat yang didakwa membekal senjata kepada Israel iaitu Lockheed Martin dan BAE System dari pameran di ibu negara.

Tumpu AI, tambah 30,000 jurutera

SHAH ALAM - Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) akan dipertingkat bagi menampung kekurangan 30,000 jurutera, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menjelaskan tuntutan pada zaman ini memerlukan lebih tumpuan dalam bidang kecerdasan buatan (AI) supaya Malaysia tidak ketinggalan, lapor Bernama.

Justeru, menteri kewangan itu memberitahu teknologi AI akan diterap dalam kalangan pelajar di maahad tahfiz atau pusat TVET untuk menguasai ilmu baharu tersebut.

Anwar berucap dalam majlis Sambutan Aidilfitri Madani peringkat Kelantan di RTC Tunjong di Kota Bharu pada 3 Mei.

PM galak Qatar melabur di Kelantan

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggalakkan pemimpin Jepun dan Qatar untuk meneroka pelaburan di Kelantan semasa membuat lawatan kerja ke negara berkenaan.

Menyifatkan tindakan itu tanggungjawabnya sebagai pemimpin negara untuk membantu rakyat, beliau berusaha sedaya upaya membantu membangunkan semua negeri, lapor Bernama.

"Semasa lawatan saya ke Jepun dan Qatar sebelum ini, saya cadangkan kepada pemimpin negara terbabit supaya turut memilih Kelantan sebagai lokasi pelaburan selain negeri lain," katanya pada 2 Mei.

Anwar juga berharap Kerajaan Negeri memudahkan proses perolehan tanah supaya industri pertanian dapat dikembangkan dalam skala besar di Kelantan.

Cuaca panas berlarutan ke Julai

SHAH ALAM - Cuaca panas berikut fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini dijangka berterusan hingga Julai, kata Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad.

Katanya, situasi itu menyebabkan beberapa kawasan di Kelantan, Perlis dan Kedah mengalami cuaca lebih panas berbanding negeri lain seperti Selangor dan Kuala Lumpur, lapor Bernama.

Beliau memberitahu ada ramalan menyebut tahun ini lebih panas berbanding cuaca melanda Perlis pada 1998, kali terakhir keadaan terik sedemikian di negara ini.

Menurut Nik Nazmi dalam program Kampung Angkat Madani di Kota Bharu, Kelantan pada 2 Mei, cuaca panas mula beralih dan hujan lebih kerap dalam sebulan atau dua bulan lagi.

5.8 juta pelancong lawat Malaysia

SHAH ALAM - Malaysia menerima kedudiran 5.8 juta pelancong asing antara Januari hingga Mac tahun ini, meningkat 32.5 peratus berbanding 4.3 juta orang dalam tempoh sama tahun lalu.

Menyatakan hal Ehwal Agama Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Tiong King Sing memberitahu mereka antaranya datang dari China, India, Korea Selatan, Australia dan United Kingdom, lapor Bernama.

Katanya, 22 penerbangan khas setiap minggu dari bandar utama China antaranya Nanjing, Chengdu, Zhengzhou, Xi'an, Shenyang, dan Guangzhou membabitkan 3,600 penumpang seminggu.

"Terkini, kita ada 15 laluan tambahan baharu termasuk Wuhan ke Kuala Lumpur, Ahmedabad ke Kuala Lumpur, Incheon ke Kota Kinabalu dan Almaty ke Kuala Lumpur," katanya pada 30 April.

Bekalan ternakan Aidiladha cukup

SHAH ALAM - Bekalan lembu dan kambing untuk sambutan Aidiladha mencukupi meski negara berdepan cuaca panas susulan fenomena El Nino yang dijangka berlarutan hingga Julai.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menjelaskan Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa memantau, lapor Bernama.

Datuk Seri Mohamad Sabu mengakui penanaman padi terutama di Kelantan turut terjejas akibat fenomena tersebut berikutan masalah sumber air di sawah memberi kesan kepada hasil tuaian.

Beliau menambah Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meluluskan pertubuhan tambahan RM20 juta bagi membeli kemudahan mengepam air dari sungai ke sawah padi bagi membantu petani.

Talian 24 jam aduan kes hina Islam

SHAH ALAM - Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) mewujudkan talian khas 24 jam untuk menyalur aduan berkaitan kes penghinaan terhadap Islam termasuk cetusan di media sosial.

Menteri hal Ehwal Agama memberitahu Jakim bekerjasama dengan jabatan agama lain, polis dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Ma-

laysia (SKMM) bagi menangani isu itu, lapor Bernama.

Menegaskan Kementerian sentiasa memelihara kesucian Islam, Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata perbuatan menghina Islam dibawa ke muka pengadilan sebagai pengajaran kepada semua.

"Apa-apa bentuk provokasi dan tin-

Industri paling pesat di Asia Pasifik

Khidmat jet di Subang tahun ini

SHAH ALAM - Perkhidmatan jet di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAS) di Subang akan mula beroperasi pada suku ketiga tahun ini, kata Menteri Pengangkutan Anthony Loke.

Beliau memberitahu Malaysia Airports Holdings Bhd dalam proses mengubah suai LTSAS manakala terminal baharu mengambil masa sekurang-kurangnya tiga tahun untuk siap, lapor Bernama.

"Ia hanya untuk fasa pertama iaitu bagi tempoh tiga tahun pertama. Bagi jangka sederhana, terminal baharu di Subang akan dibina bagi menggantikan Terminal Skypark," katanya.

Loke merasmikan kemudahan penyelegaraan, pembaikan dan baik pulih

(MRO) baharu Execujet di Subang pada 2 Mei.

Hangar Execujet seluas 149,500 kaki persegi boleh memuatkan 15 jet perniagaan sederhana dan besar secara serentak termasuk kabin ultra-besar Dassault Falcon 6X dan Falcon 10X.

Beliau percaya penerbangan antara industri paling pesat berkembang di rantau Asia Pasifik bukan sahaja untuk syarikat penerbangan komersial tetapi segmen jet perniagaan.

"Ia segmen yang sangat penting, oleh itu kita berpotensi menarik segmen khusus (jet perniagaan) ini. Malaysia berpotensi untuk menjadi hab MRO di rantau Asia Pasifik."

"Asia Pasifik ialah pasaran penerbangan perniagaan ketiga terbesar dan

dakan ekstrem perlu dihenti. Perpaduan adalah nikmat yang perlu diperlakukan demi mencapai cita-cita Membangun Malaysia Madani," katanya.

Orang ramai boleh membuat aduan kes penghinaan Islam melalui talian WhatsApp 017-3234 533 atau e-mel kepada aduan@islam.gov.my

paling pesat berkembang di dunia selepas Amerika Utara dan Eropah," katanya.

Loke menambah Asia Pasifik dijangka menyumbang 11 peratus daripada penghantaran jet perniagaan baharu dalam tempoh lima tahun sekali gus memacu permintaan untuk MRO.

Katanya, Malaysia menyasar untuk menguasai perniagaan penyelenggaraan pesawat perniagaan dan jet peribadi dari rantau ini termasuk Singapura, Thailand, Indonesia, Hong Kong dan Filipina.

Kementerian mengalu-alukan lebih ramai pelabur dalam industri aeroangkasa khususnya di Subang yang boleh menyumbang ke arah ekosistem aeroangkasa yang lebih besar, kata beliau lagi.

kampung

akan panggil semua wakil masyarakat di kampung itu dan kena bagi tahu semua masalah yang ada," katanya.

Beliau menambah cadangan itu bakal membawa hasil kerana ia melibatkan menteri, pimpinan tertinggi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan yang mendengar masalah secara langsung.

Seorang pemimpin satu

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu setiap pemimpin diberi tanggungjawab menjaga sebuah kampung bagi mengetahui masalah yang dihadapi penduduk.

Beliau menjelaskan cadangan yang melibatkan jemaah menteri, pimpinan tertinggi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan akan dibentang dalam

mesyuarat Kabinet pada 7 Mei, lapor Bernama.

Katanya, cadangan tersebut kaedah terbaik bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi orang kampung selain pegawai daerah dan kerajaan terus menjalankan tanggungjawab mereka.

"Anwar juga Cherok Tok Kun di Bukit Mertajam. Bagaimana saya juga? Saya

ju Pr1ma Corporation dilantik sebagai agensi pelaksana untuk memantau. Kurang dua tahun, projek akan siap dan penduduk menerima kunci," katanya.

Kor Ming menambah pelbagai kemudahan lain juga akan disediakan manakala perkhidmatan bas percuma yang disediakan Kerajaan Selangor memudahkan mereka untuk akses aspek pengangkutan.

"Lokasinya juga atas permintaan penduduk. Kita jangka kira-kira 1,250 penduduk menerima manfaat pembinaan PPR ini," katanya lagi.

Akhiri penantian peneroka estet

KUALA SELANGOR - Dana RM75 juta disediakan bagi membina projek perumahan rakyat (PPR) untuk 245 peneroka lima estet di Bestari Jaya di sini, sekaligus mengakhiri penantian 26 tahun.

Menteri Perumahan memberitahu projek seluas 8.09 hektar hasil peruntukan RM40 juta dari Putrajaya manakala bakinya Kerajaan Selangor sementara tanah disediakan Berjaya Corporation Berhad.

Nga Kor Ming menjelaskan perumahan yang dijadual siap akhir 2026 melibatkan penduduk Ladang Mary,

Ladang Nigel Garder, Ladang Bukit Tagar, Ladang Sungai Tinggi dan Ladang Minyak.

Beliau berkata pembangunan yang dinamai PPR Harmoni Madani itu dijalankan secara berperingkat iaitu fasa pertama tertumpu kepada membina rumah, dewan serba guna dan tadika.

"Isu bermula 1998, kerajaan bertukar ganti tetapi masalah tidak selesai. Ada 245 keluarga pekerja ladang terjejas, jadi isu ini dibawa kepada perdana menteri dan Dato' Menteri Besar.

"Untuk percepatkan projek, pema-



CERIA... Pengarah Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) Shaiful Rizza Piamin (belakang) dan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan Norazif Ahmad Tamsis (kanan) bersama pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu 2 yang menerima sarapan percuma sumbangan Tabung Endowmen MPHS pada 3 Mei.

Foto Facebook Majlis Perbandaran Hulu Selangor

Seru penduduk tingkat kebersihan

MBSJ kenal pasti 21 lokasi panas denggi

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengenal pasti 21 lokasi panas demam denggi yang memerlukan pemantauan bagi mengekalkan peningkatan kes berkenaan.

Datuk Bandar Mohd Fauzi Mohd Yatim memberitahu semua pihak terutama ahli majlis dan penduduk perlu mempergiat usaha memusnahkan tempat pembiakan nyamuk menerusi gotong-royong.

"Kerjasama semua pihak penting untuk membendung isu denggi yang tiada kesudahan. MBSJ sedia bekerjasama dengan majlis perwakilan penduduk dalam aktiviti pencegahan dan pengawalan.

"Kita boleh sediakan bantuan dari segi pameran, taklimat dan pemudah cara aktiviti cari dan musnah," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan di ibu pejabat MBSJ baru-baru ini.

Mohd Fauzi juga memaklumkan 3,996 kes demam denggi dilaporkan

tahun ini sehingga minggu epid 16 di Subang Jaya, meningkat 71.4 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu iaitu 2,331 kes.

"Terdapat trend penurunan kes bagi tiga minggu epid terkini yang mana kes pada minggu ke-16 adalah 148 berbanding dengan minggu epid ke-13 sebanyak 206 kes.

"Diharapkan penurunan kes ini berterusan dan meningkatkan tahap kesihatan penduduk di kawasan MBSJ secara keseluruhannya," kataanya.

Menang anugerah bandar pelancong

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) muncul pihak berkuasa tempatan tunggal di Selangor merangkul Anugerah Standard Bandar Pelancong Bersih Asean peringkat kebangsaan.

Menurut pengarah korporat dan perhubungan awamnya, penilaian berdasarkan tujuh petunjuk iaitu pengurusan alam sekitar, kebersihan, pengurusan sisa, kesedaran isu perlindungan alam sekitar dan kebersihan.

Mohd Azhar Mohd Sharif dalam

kenyataan baru-baru ini menjelaskan inisiatif dalam melaksanakan landskap hijau, keselamatan kesihatan dan bandar serta prasarana pelancongan turut dinilai.

"MBSA terus meningkatkan mutu dan kemudahan pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong sama ada domestik dan antarabangsa sekali gus menyumbang kepada penciptaan bandar mampan," katanya.

Penilaian anugerah berkenaan berlangsung pada 17 dan 18 Ogos tahun

lalu. Semua data dan petunjuk yang disediakan dibentang kepada panel juri.

Pada 29 April, Datuk Bandar Shah Alam Cheremi Tarman menerima anugerah itu yang disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Datuk Roslan Abdul Rahman.

Penganjuran anugerah berkenaan di Cyberjaya itu bertujuan mengiktiraf pemain industri yang memenuhi piawaian pelancongan Asean.

WhatsApp Biz MBSJ untuk salur aduan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menjadi pihak berkuasa tempatan pertama di Selangor yang menyediakan wadah komunikasi secara langsung bersama masyarakat.

WhatsApp Biz MBSJ membantu pelanggan menyemak enam perkhidmatan utama antaranya cukai taksiran, kompaun trafik, lesen dan permit niaga, permit bangunan, pembayaran serta pembersihan.

"WhatsApp Biz MBSJ mendapat persetujuan pihak META di mana keselamatan serta privasi data pengguna adalah terjamin.

"Para pengguna boleh menggunakan perkhidmatan ini melalui nombor 03-8026 3100 pada bila-bila masa dalam tempoh 24 jam," kata kenyataan Bahagian Komunikasi Korporat pada 25 April.

Kerjasama tanam 140 pokok melur

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dengan menanam 140 pokok melur di Taman Kucing, Klang pada 5 Mei.

Datuk Bandar Datin Paduka Noraini Roslan berkata program bersama Sime Darby Property dan HP Singapore itu antara usaha pihaknya melestarikan alam sekitar di samping melaksanakan pembangunan infrastruktur.

"Apa yang perlu diamalkan adalah pembangunan terancang, menitikberatkan alam sekitar dan mengambil kira kesan pembangunan kepada alam sekitar.

"MBDK juga sentiasa menumpukan kepada (program) penghijauan dan kelestarian alam semula jadi untuk kesejahteraan kita semua. Salah satu aktiviti atau penekanan dalam hal berkaitan alam sekitar ialah program tanam pokok," katanya.

Waspada fenomena air pasang besar

SHAH ALAM - Orang ramai dinasihat berwaspada dengan fenomena air pasang besar yang diramal berlaku di Pelabuhan Klang sehingga 10 Mei.

Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor memaklumkan bacaan paras air laut dijangka setinggi 5.3 meter sehingga 9 Mei antara jam 4 petang hingga 7 malam.

Berdasarkan infografik jabatan itu di Facebook, paras air laut di kawasan itu dijangka meningkat setinggi 5.4 meter pada 7 dan 8 Mei manakala bacaan paras air laut diramal setinggi 5.1 meter kira-kira jam 7.29 malam pada 10 Mei.

Penduduk berhampiran kawasan persisir pantai disarankan berjaga-jaga berdepan fenomena ini dan sentiasa memantau keadaan cuaca serta merujuk agensi berkaitan untuk informasi keselamatan.

Bantu bangunkan semula Gaza

KUALA SELANGOR - Kerajaan Selangor menyeru orang ramai menyumbang ke Tabung Pembangunan Ihsan Selangor-Gaza bagi projek pembangunan semula kawasan berkenaan.

EXCO Perumahan Borhan Aman Shah berkata sasaran dana hampir RM8 juta akan digunakan bagi pembinaan masjid, pangsapuri dan tangki air.

"Kita menasarkan dapat kumpul sekurang-kurangnya RM8.7 juta bagi pembangunan tersebut dan setakat ini jumlah terkumpul adalah hampir RM3 juta.

"Saya menyeru semua lapisan masyarakat di Selangor mahupun Malaysia untuk menyumbang ke tabung tersebut bagi membantu penduduk di negara itu," katanya sempena Perhimpunan Solidariti Gaza Universiti Selangor Kampus Bestari Jaya di sini baru-baru ini.

Skuad Pantas MBDK pantau kawasan bah

KLANG - Pasukan Tindakan Segera (Pantas) Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) bersiap siaga 24 jam bagi memantau kawasan berisiko banjir.

Datuk Bandarnya Datin Paduka Noraini Roslan berkata sebelum ini pihaknya turut membersihkan sistem saliran bagi mengurangkan risiko bah.

"Kita ada pasukan Pantas yang bertindak dalam jangka masa singkat sekiranya berlaku apa jua bencana dan mereka juga menjadi pasukan terawal menyampaikan laporan."

"MBDK juga telah membersihkan saliran di sekitar kawasan berisiko banjir kilat sebelum ini. Kita harap penduduk dapat berkerjasama menjaga persekitaran masing-masing," katanya pada 6 Mei.

Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor meminta orang ramai berwaspada dengan fenomena air pasang besar yang diramal berlaku di Pelabuhan Klang sehingga 10 Mei.

Rewang kukuh hubungan sosial

AMPANG JAYA - Rewang Komuniti Strata menjadi tapak integrasi sosial dalam kalangan masyarakat tanpa mengira latar belakang, kaum dan agama, kata EXCO Perumahan Borhan Aman Shah.

Beliau memberitahu program sedemikian berupaya menghidupkan semula nilai tradisional kepada penduduk pangsapuri untuk berinteraksi seterusnya membentuk ikatan sosial.

"Dengan memperkuatkan tradisi berkumpul bersama, program ini

mengerat hubungan sosial antara penduduk pangsapuri yang juga menyatukan keluarga, sahabat dan jiran tetangga.

"Ia juga memupuk semangat gotong-royong dan rasa tanggung-jawab bersama terhadap kebajikan dan kemajuan komuniti," katanya pada 5 Mei.

Wakil rakyat Bukit Antarabangsa Mohd Kamri Kamaruddin pula percaya rewang menghidupkan budaya kampung di perumahan bertingkat

dengan menyemai sifat saling peduli, bekerjasama dan bertolak ansur.

"Ini penting kerana dalam komuniti bertingkat, kita berkongsi tanggung-jawab dalam menjaga aset bersama seperti bumbung, taman permainan, koridor dan sistem paip," katanya.

Ampang dan Hulu Langat dipilih sebagai kawasan perintis program rewang diperkenal tahun lalu bagi memudahkan penduduk mendapat maklumat berhubung pentadbiran negeri.

Pangsapuri Sri Impian jadi perintis

Bina pustaka mini di perumahan

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

AMPANG JAYA - Pangsapuri Sri Impian, Ukay Perdana di sini menjadi perintis dalam usaha menyediakan kemudahan perpustakaan mini di kawasan perumahan melalui program Didik Selangor.

EXCO Perumahan Borhan Aman Shah berkata usaha Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) itu untuk memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak secara percuma sambil beriadah.

Katanya, PPAS berbelanja RM130,000 bagi membangunkan perpustakaan mini lengkap kemudahan bahan bacaan, ruang membaca kondusif, pantri, komputer, pendingin hawa dan capaian internet.

Beliau menjelaskan ada 105 perpustakaan



mini di seluruh negeri termasuk pangsapuri tersebut, perumahan pertama yang menyediakan kemudahan sedemikian.

"PPAS dengan kerjasama Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) menyasarkan pembinaan perpustakaan mini di penempatan seluruh daerah secara berperingkat," katanya.

Beliau menghadiri program Rewang Komuniti Strata Aidilfitri dan pelancaran Didik Selangor di pangsapuri berkenaan pada 5 Mei.

Ahli Dewan Negeri Bukit Antarabangsa Mohd Kamri Kamaruddin pula percaya inisiatif PPAS menyumbang kepada pembangunan sosial anak-anak di kawasan perumahan berkenaan.

"Anak-anak berkumpul dan bersosial dalam suasana penuh harmoni melalui kegiatan membaca bersama, membantu menyiapkan kerja sekolah dan bermain."

"Ia membina hubungan lebih rapat dalam kalangan generasi akan datang, menjadikan masyarakat lebih bersatu tanpa mengira perbezaan agama, bangsa, atau latar belakang," katanya.

Sebelum ini, EXCO beliau memaklumkan PPAS bakal melancarkan kemudahan transit kepada pelajar sekolah di 12 perpustakaan terpilih seluruh negeri.

Najwan Halimi berkata Perpustakaan Mesra Transit yang menyediakan persekitaran kondusif dan selesa kepada anak-anak dijangka beroperasi bulan ini.

"Kita mahu sediakan persekitaran selamat kepada anak-anak terutamanya semasa peralihan sesi persekolahan murid sekolah rendah dan setelah habis sesi persekolahan bagi pelajar sekolah menengah."

"Semua perpustakaan ini dilengkapi dengan bilik air yang lengkap termasuk pancuran air (shower) untuk mandi, kafe atau pantri serta tempat solat dan rehat yang selesa," katanya.

RM200 urus wasiat tunai haji

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menawarkan harga promosi RM200 bagi penulisan wasiat khas kepada jemaah haji yang bakal menuai rukun Islam kelima itu.

Setiausaha Dr Ahmad Shahir Makhtar menjelaskan tawaran istimewa sehingga 30 Jun juga terbuka kepada

orang awam untuk membuat pesanan pembahagian harta.

Beliau berkata promosi itu meliputi pelantikan wasi dan penyediaan wasiat untuk membantu individu berkaitan melaksana kebajikan diingini dan melunaskan hutang termasuk nafkah.

Permohonan wasiat tersebut berupaya mengekalkan hubungan silaturahim dalam keluarga terma-

suk mengelakkan harta pusaka menjadi beku.

"Mais melaksanakan pengurusan dan pembahagian wasiat dan harta pusaka dengan telus, adil dan profesional mengikut syarak kepada benefisiari serta waris," katanya dalam kenyataan pada 3 Mei.

Permohonan wasiat boleh dibuat melalui pautan www.mais.gov.my atau hubungi Bahagian Dakwah di talian 010-251 9556 untuk maklumat lanjut.

Air Selangor®

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

BIL.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000018249	PROPOSED WATER SUPPLY SYSTEM TO KAMPUNG KUALA PERDIK, HULU LANGAT
2.	PN0000018263	PREVENTIVE AND CORRECTIVE MAINTENANCE SERVICES FOR 190 NOS. OF HYBRID DISTRIBUTION WATER QUALITY REAL-TIME ANALYZER (HYDRA) STATIONS FOR AIR SELANGOR.
3.	PN0000018160	SUPPLY AND DELIVERY OF REAGENTS TO ALL AIR SELANGOR'S REGIONAL LABORATORIES FOR WATER QUALITY ANALYSIS
4.	PN0000018286	SUPPLY AND DELIVERY OF MILD STEEL CEMENT LINED (MSCL) PIPES AND FITTINGS FOR SIZES ABOVE 1,000MM DIAMETER FOR AIR SELANGOR
5.	PN0000018217	PROVISION OF INSURANCE SERVICES FOR OPERATIONAL & OFFICERS' LIABILITY AND MOTOR INSURANCE PROGRAM FOR AIR SELANGOR (2024 – 2025)

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>





LINCAH... Aksi atlet silambam Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor dan Sarawak ketika perlawanan persahabatan di Shah Alam pada 4 Mei. Foto Facebook Majlis Sukan Negeri Selangor

Belasah Sternen FC 11-0

MBSJ kekal rekod tanpa kalah

Oleh AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - MBSJ FC terus melebarkan rekod tanpa kalah dalam enam perlawanan Liga Super Wanita (WSL) selepas membelasah Sternen FC 11-0 di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 4 Mei.

Penyerang Intan Sarah turut cemerlang meledak empat gol pada babak pertama diikuti hatrik NurLyana Soberi sementara empat lagi jaringan dihasilkan oleh Lee Xin-Yi, Steffi Sidhu, Waitie Taming dan Aisha Lynn Faris.

Kompleks lengkap sistem elak bah

KUALA LUMPUR - Pembinaan Stadium Shah Alam yang dijadual siap pada hujung 2026 menekankan persekitaran hijau seiring agenda melestari alam sekitar.

Ketua pegawai eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata pembangunan yang diuruskan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) itu turut dilengkapi sistem aliran untuk mengelak banjir kilat sekitar Seksyen 13.

"Proses meroboh stadium lama dijangka bermula awal Jun ini. Selepas selesai, kita akan teruskan pembinaan

Keputusan itu juga memberi kelebihan tujuh mata buat MBSJ FC di puncak kumpulan A selepas pasukan kedua MBPJ FC hanya mampu mengutip satu mata terikat tanpa jaringan bertemu Selangor FC.

UiTM United Lioness kekal di kedudukan keempat selepas melakar kemenangan ketiga musim ini menewaskan SA FC Swat 3-0 hasil jaringan Kaseh Carmila, Nurfazira dan Siti Nurkhaleeda.

Sementara itu, KL Spicegals FC tidak berdepan masalah menewaskan SA

United 3-0 menerusi jaringan Puteri Noralisa, Azza Harmiza dan gol sendiri Rogayah Ali untuk kekal mendahului kumpulan B dengan 15 mata.

Mengekor rapat di tempat kedua SSS Leopard FC yang menewaskan Perkemas FC 1-0 hasil jaringan sendiri Khantana pada penghujung babak pertama.

Dalam satu lagi perlawanan, dua jaringan Aina Suraya pada babak kedua membantu PNSB FC mencatat kemenangan tipis 2-1 ke atas Penang Real CJ pada 5 Mei.

bangunan baharu.

"Persediaan meroboh sudah dilakukan termasuk memasang adang. Ini untuk elakkan kawasan stadium diceroboh pihak luar," kata Saipolyazan Mat Yusop pada 2 Mei.

Pada 29 April, Dato' Menteri Besar memaklumkan proses pembinaan Stadium Shah Alam berjalan lancar dan dijangka siap seperti dijadual.

Pada Februari, pengurus besar unit projek khas MBI memaklumkan pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) membabitkan tiga fasa dijangka siap sepenuhnya menjelang 2029.

Datuk Ir Ruslan Abdul Aziz berkata fasa pertama merangkumi proses perrobohan dan pembinaan semula stadium dijangka selesai Mac tahun depan, seterusnya pembangunan stadium lengkap dengan ruang perniagaan serta plaza parkir dijangka siap 2026.

Fasa kedua diteruskan bermula Januari 2027 membabitkan teater tertutup, sayap sukan dan belia serta kawasan rekreasi manakala peringkat akhir melibatkan pembinaan terminal bersepadu dan hotel yang dijangka bermula Januari 2028 hingga Disember 2029.

Wai Ching tawan puncak Taipei 101

SHAH ALAM - Pelari menara Malaysia Soh Wai Ching menjuarai Kejohanan Larian Menara Dunia di puncak Taipei 101, Taiwan yang disertai 6,000 peserta pada 4 Mei.

Atlet berusia 30 tahun itu mencatat masa 18 minit dan 36.62 saat sekali gus memadam kekecewaan di tempat ketiga pada edisi 2018.

Wai Ching melengkapkan 91 tingkat pada pusingan pertama (ketinggian 390 meter (m)) dalam 11:35.61s dan melakukan 7:1.01s (ketinggian 256m) pada pusingan kedua.

Atlet Jepun Ryoji Watanabe merekodkan 18:40.04s dan Mark Bourne dari Australia (9:33.12) masing-masing memperoleh tempat kedua dan ketiga, menurut laman sesawang rasmi kejohanan.

Presiden Persatuan Larian Menara Malaysia Ravinder Singh dalam kenyataan berkata Malaysia telah meraih pencapaian signifikan dalam sukan itu selepas Wai Ching dinobatkan sebagai Juara Dunia yang baru.

Kerjasama gilap bakat Orang Asli

HULU SELANGOR - Kementerian Belia dan Sukan sedia bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka) bagi menggilap bakat masyarakat Orang Asli dalam pelbagai bidang sukan.

Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh menjelaskan kemudahan dan akses sukan di perkampungan Orang Asli akan di-naik taraf bagi mencungkil bakat mereka.

"Dalam pertemuan saya dengan anak muda Orang Asli di sini, bagi lelaki mereka banyak terlibat dalam sukan bola sepak manakala badminton bagi perempuan.

"Kita kena hayati gaya hidup mereka, tengok sukan apa yang mereka minat. Tidak guna perkenal sukan baru tapi mereka tidak minat," katanya.

Sasar Azizulhasni raih emas

SHAH ALAM - Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) menyasarkan emas di Sukan Olimpik Paris 2024, Julai ini sekali gus menjadi persatuan sukan pertama mengumumkan sasaran pingat.

Timbalan Presidennya Datuk Amarjit Singh Gill berkata sasaran berkenaan berdasarkan aspirasi disuarakan Azizulhasni yang sebelum ini pernah memenangi gangsa di Rio 2016 dan perak di Tokyo 2020.

"Saya sudah berbincang dengan jurulatih, John Beasley dan berdasarkan aspirasi Azizulhasni sendiri, PKBM menyasarkan satu emas dalam sukan basikal trek di Sukan Olimpik Paris," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 5 Mei.

**BORHAN AMAN SHAH****Tanjung Sepat**

melayan tetamu dalam majlis rumah terbuka DUN beliau di Dataran Pantai Batu Laut, Kuala Langat

**JAMALIAH JAMALUDDIN****Bandar Utama**

meninjau keadaan tanah runtuh di Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya

**MARIAM ABDUL RASHID****Meru**

menyampaikan sumbangan kepada 40 bakal haji di Masjid Asy-Syarif, Klang

**DATUK JOHAN ABD AZIZ****Dusun Tua**

menghadiri majlis Aidilfitri Surau Al-Muhsinin Taman Kota Cheras, Hulu Langat

**DR GUNARAJ GEORGE****Sentosa**

menziarahi anggota bomba yang cedera semasa bertugas di Kampung Jawa, Klang

**LWI KIAN KEONG****Sungai Pelek**

menghadiri jamuan Hari Raya Aidilfitri Air Selangor daerah Sepang di pejabat operasinya

**ABBAS AZMI****Seri Serdang**

rasmi kabin komuniti di Puchong Utama Tiga, Subang Jaya

**SYED AHMAD ALHADAD****Lembah Jaya**

mengagih barang asas kepada penduduk DUN beliau di Ampang Jaya

Kee Hiong ambil berat anak istimewa

HULU SELANGOR- Calon Kerajaan Perpaduan berazam meneruskan ke-murnian mendiang Lee Kee Hiong yang mengambil berat kebajikan anak istimewa di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Kuala Kubu Baru.

Pang Sock Tao mahu memastikan anak berkeperluan khas terus mendapat perhatian melalui program usaha sama dengan swasta dan kerajaan dalam menyediakan inisiatif untuk kanak-kanak itu.

"Saya akan tingkat kesedaran hal ehwal kanak-kanak istimewa kepada



masyarakat," katanya selepas beramah mesra dengan 25 anak istimewa, guru pembimbing dan ibu bapa di situ pada 7 Mei.

Kunjungan EXCO kebajikan Anfaal Saari bersama Sock Tao ke pusat pemulihan tersebut bertukar sayu apabila Pengerusinya Saripah Bakar (*foto*) memberi penghargaan kepada mendiang Kee Hiong.

Dalam sebak, Saripah menyifatkan bekas wakil rakyat tiga penggal itu tidak pernah melupakan anak-anak istimewa di pusat berkenaan.

"Tiap tahun mendiang tidak pernah lupukan kami, pasti ada peruntukan yang mendiang sediakan. Terbaru beliau sediakan sebelum meninggal dunia adalah peruntukan baik pulih lantai.

"Mendiang seorang yang sangat prihatin. Saya tidak pernah jumpa lagi pemimpin sepertinya yang sentiasa bertanya khabar kami," katanya.

Kee Hiong, 58, meninggal dunia pada 21 Mac akibat barah.

Mendiang berkhidmat sebagai wakil rakyat Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Baru selepas memenangi kerusi tersebut pada 2013.

Sasar 30,000 penyertaan

Festival turath kupas Hadis 40

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Festival Turath Islami siri kedua antara 26 Mei hingga 2 Jun dijangka menarik minat 30,000 penyertaan, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu program yang memuatkan 12 acara menarik mengangkat karya ulama penting iaitu Muhyiddin Abu Zakaria Yahya Sharaf al-Nawawi atau dikenali sebagai Imam Nawawi.

Katanya, bekas Mufti Agung Mesis Al-Imam Dr Ali Jum'ah dijadual memimpin pengajian kitab Hadis 40 karangan Imam Nawawi manakala

seminar antarabangsa mengupas kitab beliau iaitu Riyadhu al-Solihin, Tausiyah Perdana.

"Festival itu disertai kira-kira 23 ulama besar, tokoh agamawan dan akademik dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura yang telah menyatakan pengesahan," katanya pada 3 Mei.

Amirudin yakin penyertaan tahun ini dijangka meningkat tiga kali ganda berbanding kira-kira 10,000 orang pada tahun lalu berikutan suntikan beberapa nilai tambah dalam majlis tersebut.

Beliau menambah festival di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah itu antara usaha Kerajaan Ne-

geri bagi memperbanyak kegiatan menjulang khazanah keilmuan Islam dunia.

"Penganjuran festival kali kedua tahun ini adalah petanda komitmen Kerajaan Negeri untuk menyebarkan dan menghidupkan warisan turut-turut Islam."

"Turath atau warisan Islam khususnya warisan ilmiah adalah obor penyuluh yang dapat memberi pedoman kepada kita bagi mengharungi dunia semasa yang penuh pancaroba," katanya.

Festival ini terbuka kepada orang ramai dan pendaftaran menerusi laman sesawang www.turathislamislangor.com

Penduduk lega saliran dibersihkan

HULU SELANGOR - Rata-rata penduduk lega saliran sepanjang 200 meter di Batu 30, Ulu Yam di sini diberi-sihkan pihak berkuasa baru-baru ini sekali gus mengurangkan risiko banjir.

Warga emas Muda Umar, 78, juga berharap projek mendalam dan melebar longkang diteruskan berikutan air memasuki rumah setiap kali hujan lebat dalam masa kurang 30 minit.

"Terima kasih kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) kerana membersihkan saliran," katanya yang menetap di sini lebih 20 tahun.

Kakitangan swasta Muhammad



Nabil Abdul Razak, 36, turut mengakui resah untuk meninggalkan kediannya dalam tempoh lama kerana bimbang dinaiki air.

"Harap JPS, MPHS segera bina kolam tadahan air kerana rata-rata penduduk hendak tinggalkan kediaman dalam jangka masa lama risau air masuk dalam rumah.

"Sebelum ini, air kerap masuk rumah setiap kali hujan lebat tetapi selepas dua tahun menetap sini kami membina tembok depan rumah untuk menahan air masuk," katanya yang bekerja di Petaling Jaya.

Keresahan sama dikongsikan Sa-



hidin Karim, 76, yang lebih 30 tahun menetap di sini apabila mengeluh air masuk ke dapur rumah setiap kali hujan lebat.

"Saya berterima kasih kepada ahli majlis, MPHS dan JPS tetapi harapnya projek tadahan air dapat di-segerakan," katanya.

Sebelum ini, MPHS dan JPS membersihkan saliran sepanjang 200 meter di Batu 30, Ulu Yam di sini bagi mengelak kejadian berulang.

Ahli Majlis Zon 15 Rajasegaran Ramaiyah berkata pembersihan itu perancangan jangka pendek sementara projek tadahan air sebagai perancangan jangka panjang siap dibina.

Reziq Bani perkuat Red Giants

SHAH ALAM - Ketua pasukan bawah 23 tahun Jordan, Reziq Bani Hani diumum sebagai pemain import terbaharu Red Giants untuk mengharungi saingan Liga Malaysia musim ini.

Selangor FC memaklumkan pemain muda itu turut mewakili skuad kebangsaan di Piala Asia baru-baru ini selain menjaringkan dua gol bersama Al-Faisaly SC dalam Liga Juara-Juara AFC 2023/2024.

Reziq Bani berkata walaupun kali pertama beraksi di Malaysia beliau akan berusaha membantu pasukan mencipta kejayaan.

"Walaupun saya masih berusia muda, saya berharap pengalaman yang saya miliki bersama pasukan sebelum dapat menambah kekuatan pasukan bagi menghadapi Liga Super 2023/24 dan di pentas ACL 2 2024. Saya akan berikan segalanya untuk tidak mengecewakan mereka," katanya.

Rekod 6.54 juta pelancong tahun lalu

SHAH ALAM - Selangor berjaya menarik kunjungan 6.54 juta pelancong tempatan dan antarabangsa pada 2023, meningkat 46.4 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Tourism Selangor dalam kenyataan menyebut sebanyak 4.44 juta meliputi pengunjung domestik, manakala selebihnya pelancong asing, melebihi sasaran awal lima juta pelancong.

Menurutnya, data itu sejajar kriteria Pertubuhan Pelancongan Dunia, yang mentakrifkan pelancong sebagai individu yang perjalanan termasuk menginap di se-satu tempat.

"Pertumbuhan luar biasa ini membuktikan Selangor sebagai destinasi pelancongan utama dan menekankan keberkesanan inisiatif strategik untuk mempromosi segmentasi pelancongan negeri. Pencapaian ini menjadi asas kukuh bagi pertumbuhan berterusan untuk tahun mendatang," katanya pada 6 Mei.

RM50,000 modal niaga untuk wanita

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) menawarkan bantuan modal sehingga RM50,000 kepada usahawan wanita negeri ini yang ingin bermula kecil-kecilan.

Agensi itu memaklumkan pembiana bawah skim Niaga Darul Ehsan (NaDI) itu boleh dipohon menerusi pautan mikrokredit.selangor.gov.my

"Khusus untuk usahawan wanita di Selangor Darul Ehsan! Terbuka kepada wanita yang ingin memulakan perniagaan kecil-kecilan. Tawaran Skim Pembiayaan Niaga Darul Ehsan (NaDI) sehingga RM50,000.

"Pemohon juga boleh mengimbas kod QR pada poster untuk memohon atau hubungi cawangan Hijrah Selangor berdekatan untuk maklumat lanjut," maklumnya.

Tubuh Faisal melecur teruk, tahap empat

SHAH ALAM - Pemain Selangor FC Mohammad Faisal Abdul Halim disahkan melecur tahap empat selepas menjalani pembedahan pertama, kata pengurus jawatankuasa teknikal Selangor FC.

Datuk Seri Shahril Mokhtar memaklumkan pergerakan dan percakapan tonggak Harimau Malaya itu ketika ini sedikit terjejas berikutan insiden disimbah asid pada 5 Mei.

"Selepas pembedahan pertama, doktor pakar mengesahkan ia bukan melecur tahap dua tetapi tahap empat. Berdasarkan penilaian, Faisal akan melalui sekurang-kurangnya lagi dua pembedahan.

"Sekarang beliau masih di Unit Rawatan Rapi, sedang dipantau dengan rapi oleh pakar," katanya seperti dilapor Bernama.

Rumpun Selangor di Sepang 9-11 Mei

AMPANG JAYA - Jelajah Rumpun Selangor yang bertujuan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat akan diteruskan ke Sepang antara 9 hingga 11 Mei.

EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail memberitahu Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah akan turus menyantuni lebih ramai rakyat dalam program berkenaan.

"Untuk siri ini, kita akan jadikan perlawanan Piala Sumbangsih sebagai tarikan. Kita sediakan skrin gergasi dan ajak rakyat untuk bersama-sama menonton," katanya baru-baru ini.

Rizam memberitahu beberapa penambahan dibuat dalam siri jelajah seterusnya berikutnya Tengku Amir Shah muah beramah mesra lebih dekat dengan penduduk setempat.

"Kita akan rancang program yang lebih mesra. Baginda berkenan untuk berjumpa dengan ramai penduduk," katanya.



CERIA... Calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao bermain karom dalam program Singgah Salam Temasya Jalan di pekan Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor pada 4 Mei. Foto FIKRI YUSOF

Bertambah RM500

Bantuan naik haji kini RM1,000

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Kadar Insentif Haji Muassasah kepada 6,000 bakal jemaah haji di Selangor pada tahun ini ditambah sekali ganda, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu pemberian manfaat bernilai RM500 kepada

RM1,000 melibatkan dana RM6 juta, meningkat tiga kali ganda berbanding peruntukan program sama tahun lalu iaitu RM1.5 juta.

"Ia melibatkan kesan kewangan RM3 juta. Sebelum ini, RM3 juta dana dari MBI ditambah dengan dana Kerajaan Negeri," katanya dalam sidang media pada 3 Mei.

Pendaftaran dibuka mulai 6 Mei

hingga 23 Ogos yang diselaraskan pusat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN), pejabat penyelaras DUN dan Menteri Besar Selangor (Pembadbunan) atau MBI.

Bakal jemaah perlu membawa salinan bercetak jadual penerbangan haji muassasah 2024 dengan paparan KOD MUAS untuk pendaftaran insentif berkenaan.

Pilihan raya kecil Kuala Kubu Baharu PILIHAN ANDA PILIHAN TERBAIK



demi kemajuan ekonomi
demi perpaduan rakyat
demi kesejahteraan bersama

